UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

# TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK ABDUL MAZIN ABDUL JAMIL, SI PANDAI BESI MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI PEMBUAT KERIS


AIN SYAHIRAH BT ABD RAHIM
(2015115557)

WAN SITI NUR LIYANA BT WAN ZUKI
(2015180555)


SEMESTER MAC 2017 - JULAI 2017

ISI KANDUNGAN


ABSTRAK........................................................................ I

PENGHARGAAN.............................................................. II

SENARAI SINGKATAN................................................... III

BIODATA PENEMUBUAL............................................... IV

BIODATA TOKOH.......................................................... V

PENGENALAN............................................................... 1-2

KAJIAN LITERATUR..................................................... 2-3

TRANSKRIP TEMUBUAL............................................... 4-39

LOG TEMUBUAL........................................................... 40-54

INDEKS........................................................................... 55-62

RUJUKAN....................................................................... 63-64

LAMPIRAN...................................................................... 65

BIOGRAFI TOKOH

PERJANJIAN

SENARAI SOALAN

DIARI PENYELIDIKAN

GAMBAR, SIJIL DAN BAHAN LAIN YANG

BERKAITAN

# ABSTRAK

Ain Syahirah Bt Abd Rahim dan Wan Siti Nur Liyana Binti Wan Zuki telah menemubual Encik Abdul Mazin Abdul Jamil di Kampung Padang Changkat, 33000 Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan pada 1 Mei 2017. Beliau berasal dari Kampung Padang Changkat, Perak pada tahun 1950. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Bukit Chandan pada tahun 1957 hingga 1962. Mula berminat membuat keris seawal usia sepuluh tahun sewaktu melihat datuk membuat. Pada tahun 1963 mula membuat golok, parang dan keris. Manakala pada tahun 1970 beliau mula mengikut ayah membuat pameran di muzium Kuala Lumpur. Pada tahun 1980, beliau mula mengetengahkan keris buatan beliau ke pihak istana dan muzium. Temubual ini dijalankan selama lebih kurang sejam.

Kata kunci: Abdul Mazin Abdul Jamil, Kampung Padang Changkat, Sekolah Kebangsaan Bukit Chandan, keris

# PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat ilahi kerana dengan izinNya dapat kami menyiapkan tugasan IMR604 Dokumentasi Lisan ini dengan jayanya.

Setinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kami ucapkan kepada Encik Abdul Mazin Abdul Jamil di atas kesudian dan kerjasama meluangkan sedikit masa untuk bersama kami menjalankan wawancara ini.

Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada pensyarah kami, Encik Azree Ahmad (Dr) atas bimbingan serta tunjuk ajar yang diberikan seperti persediaan sebelum, sewaktu dan selepas kami melakukan tugasan ini sehingga jayanya.

Tidak di lupakan juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah memberikan serba sedikit tunjuk ajar dan juga kerjasama sepanjang kami menjalankan tugasan ini. Akhir sekali, kami tujukan kepada pihak UiTM yang telah memberikan peluang dan pengalaman melaksanakan tugasan ini.

Sekian, terima kasih.

# SENARAI SINGKATAN

| No. | Singkatan | Maksud |
|---|---|---|
| 1 | TV | Televisyen |
| 2 | DYMM | Duli Yang Maha Mulia |
| 3 | UiTM | Universiti Teknologi Mara |

# BIODATA PENEMUBUAL



1. Penemubual Pertama

| | Perkara | Butiran |
|---|---|---|
| a. | Nama | Ain Syahirah Bt Abd Rahim |
| b. | Alamat | |
| c. | Telefon | |
| d. | Emel | |
| e. | Program | Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Perpustakaan (IM 244) |



2. Penemubual Kedua

| | Perkara | Butiran |
|---|---|---|
| a. | Nama | Wan Siti Nur Liyana Binti Wan Zuki |
| b. | Alamat | |
| c. | No. Telefon | |
| d. | Emel | |
| e. | Program | Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Perpustakaan (IM 244) |

# BIODATA TOKOH



| | Perkara | Butiran |
|---|---|---|
| a. | Nama | Encik Abdul Mazin Bin Abdul Jamil |
| b. | Nama samaran (jika ada) | Pak Mazin |
| c. | Tempat lahir | |
| d. | Tarikh Lahir | 1950 |
| e. | Alamat | |
| f. | No. Telefon | |
| g. | Emel | Tiada |
| h. | Profesion | Tukang Besi |
| i | Bidang | Kesenian Senjata Tradisional |

## PENGENALAN

Terdapat pelbagai seni dalam kebudayaan masyarakat melayu di Malaysia dan nusantara sepert kesenian kebudayaan, seni bina, masakan dan pelbagai lagi. Antaranya kesenian yang terkenal adalah kesenian ukir senjata. Masyarakat melayu pada ketika dahulunya terkenal dengan pahlawan-pahlawan yang hebat seperti Laksamana Hang Nadim dan Sri Kandi Tun Teja. Mereka hebat bertarung dengan senjata seperti keris, kerambit dan badik.

Namun begitu, apabila tanah melayu mula dijajah telah banyak asimilasi budaya yang telah berlaku akibat migrasi penduduk yang berlainan bangsa. Seni warisan melayu terutamanya seni ukir senjata makin ditelan zaman. Garis masa yang panjang di antara zaman telah melihat ramainya masyarakat melayu yang mula hilang jati diri bangsa dan adat budaya mereka dek arus permodenan.

Terkini, generasi yang masih mempertahan kesenian ukir senjata ataupun lebih dikenali dengan "Si Pandai Besi" semakin berkurangan. Mereka juga tidak telepas dengan mempercayai stereotaip yang mengatakan bahawa senjata seprti keris menyimpan unsur-unsur mistik.

**Oleh itu, kami telah menemubual seorang tokoh yang terkenal dengan ilmu seni pembuatan keris atau digelar si pandai besi untuk mengupas tentang kehidupan beliau dalam kerjaya pembuatan keris. Beliau adalah Encik Abdul Mazin bin Abdul Jamil seorang Si Pandai Besi. Pada 10.00 pagi bertarikh 1 Mei 2017, dua orang pelajar Semester 5 Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM Cawangan Kedah telah menemubual beliau di rumahnya yang terletak di Kuala Kangsar Perak**

### Objektif Kajian

Objektif utama temubual ini dijalankan adalah untuk ;

1.0 Memperkenalkan dan meniktiraf tokoh

Si Pandai besi merupakan tokoh dalam seni pembuatan keris. Kewujudan mereka semakin berkurangan dek kerana modenisasi. Mereka seharusnya diangkat kerana masih mempertahankan warisan bangsa.

1. Simbolik senjata tersebut dengan masyarakat melayu
   Masyarakat melayu akan mula menghargai warisan bangsa setelah memahami tentangnya.

KAJIAN LITERATUR

Untuk mendapat lebih banyak lagi maklumat tentang tokoh yang ingin ditemubual, kami telah melakukan beberapa kajian untuk memperoleh maklumat berkaitan tokoh yang dipilih. Terdapat pelbagai cara dan prosedur yang perlu diikuti bagi memperoleh maklumat dan menemubual tokoh yakni;

1.0 Carian Internet

Kaedah yang kami jalankan adalah menyiasat latar belakang Pak Mazin menerusi carian internet dan beberapa sumber yang dipercayai. Contohnya melalui beberapa keluaran:

Akhbar tempatan seperti

- Malaymail – "projek MMO: Berita" (21 Julai 2016)
- Utusan Online –utara (10 Disember 2010)
- Berita Harian – semasa (14 April 2017)
- Bernama – rencana,
- Kosmo – Rencana Utama dan lain-lain lagi

Siaran televisyen seperti

- Berita.Rtm,
- Astroawani dan sebagainya.

Melalui media sosial seperti

- Youtube,
- Blog

Serta beberapa laman sesawang seperti

- Dewan bahasa dan pustaka (DBP) dan
- Malaysia Gazette.

  *Natijahnya hasil dapatan carian di internet ini berjumlah sebanyak 2750 dianalisa.

2.0 Mendapatkan Pengesahan dan kebenaran daripada beberapa pihak

Hasil analisa ini, dapat kami lahirkan beberapa soalan yang berbeza dari sumber-sumber yang lain. Soalan-soalan ini dikemukan kepada pensyarah kami iaitu Dr. Azree Ahmad untuk penilaian. Selepas itu, kami juga membuat permohonan dari Ketua Polis Bantuan UiTM Kedah atas kebenaranya untuk menjalankan kajian ini.

3.0 Menghubungi dan menetapkan butiran temubual yang sesuai

Mendapatkan butiran untuk menghubungi beliau dan menetapkan tempat dan masa yang sesuai untuk ditemubual

4.0 Menemu bual Tokoh dan pendokumentasian

Akhir sekali, kami meneruskan tindakan seterusnya iaitu menghadirkan diri ke rumah beliau untuk menemu bual secara lisan dan direkodkan di dalam perakam suara bagi tujuan dokumentasi lisan.

# T R A N S K R I P

TRANSKRIP TEMUBUAL

Ain: Jadi...Kita kena start (mula) dengan ni lah. Pak cik kena bagitau nama pak cik

Pak Mazin: Nama yee. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatu..Nama Pak Mazin Abdul Mazin bin Abdul Jamil. Lahir pada tahun 1950 di Kampung Padang Changkat ni lah.

Ain: Memang asal dari sini?

Pak Mazin: Sekarang umur Pak Mazin ni dah 67 tahun. Pastu (Selepas Itu) Pak Mazin sekolah, sekolah rendah kat situ stakat Darjah Enam je lah Sekolah Kebangsaan Bukit Chandan dulu.

Ain: Dekat galeri tu?

Pak Mazin: Ini..mula di sini dekat istana ni(istana kenangan) lepas tu tukor (tukar) dekat galeri tu. Kat galeri sekarang ni dia tukor Sekolah Muzwin lah. Pak Mazin ha tu dinamakan Sekolah Muzwin sekarang ni. Kalau dulu Sekolah Bukit Chandan jadi dalam masa tahun 60an 70an tu. Pak Mazin dah apa dh minat mula dengan datuk umur 10 tahun. 10 tahun tengok datuk buat, jadi Pak Mazin ikut anulah masa 10 tahun tu buat-buat main-main macam buat kayu la, buat anu. Umur 12 Pak Mazin mula anu dalam sekolah tu darjah nam,darjah lima darjah enam Pak Mazin buat besi kecik-kecik buat. Daripada situ, datang minatnya sampai Pak Mazin berhenti sekolah lah darjah nam tak dapat anu lagi lah. Pada tahun 63 Pak Mazin dah boleh buat dah lah, buat yang ape ni goloknya parang dan keris tu lah sampailah tahun 70an Pak Mazin mengikut bapok lah. Mengikut bapok lagi datang meluas lagi lah dibawok macam pergi buat pameran buat demo di Kuala Lumpur bersama muzium di situ menguatkan lagilah, menguatkan lagi minat Pak Mazin lah sebab nya Pak Mazin minat dalam buatan keris ni besi ni tradisi melayu ni sebabnya dia adalah satu warisan kita orang melayu pakaian melayu dengan apa lambang kebesaran orang melayu iaitu keris yaa diperluaskan lagi lah pada zaman 80an Pak Mazin dah boleh buat sendiri buat sendri keris tu dan boleh diketengahkan lah keris Pak Mazin ni. masa tu ada buat pihak istana punya, buat ke muzium. Dan masa itu lah orang tau daripada media, daripada elektronik punya, dalam tv majalah apa semua lah orang datang buat tempahan. Selalu pihak istana pun ada dan kira-kira ahli persilatan, penyimpan keris datang pada Pak Mazin sampai hari ni.

Ain:: Keris pertama yang pak cik buat?

Pak Mazin: keris pertama yang pakcik buat ni dia pendek aje dulu. Dia lebih kurang dalam dua inchi setengah jer kecik jer tapi Pak Mazin ni bila blajor dekat bapak dulu dia kata "buat kecik dulu, baru senang buat yang besar". Yang kecik ni susah. Daripada dalam sekolah lagi dah buat kecik dah pisau parang golok apa semua yang kecik. Kecik buat seronok-seronok masa tu, tu la pada mulanya.

Yana: Ada simpan lagi dak

Pak Mazin: Keris tu?

Yana: A'ah

Pak Mazin: Ada, ada dalam rumah Pak Mazin simpan dan Pak Mazin sampai sekarang penerimaan tempahan banyak daripada pelancong yang datang daripada apa ni macam pengajian tinggi, daripada sekolah rendah, selalunya sekolah rendah tingkatan tiga, lepas tu tingkatan enam sampai ke UiTM ni dan juga kepada universiti-universiti kolej ada datang buat temu ramah Pak Mazin dan ambil assigment berkenaan dengan keris buat dokumentari la. Lepas tu (Selepas itu) daripada apa ni pihak TV (televisyen) la selalu datang. sampai pada hari ni boleh tengok ada dalam siaran apa ni. Rasa tak silap TV3 ada, TV2 ada, TV5 pun ada. Baru ni TV5 ambik, sembang macam ni laa. Sebabnya, sekarang ni Pak Mazin beri penerangan berkenaan dengan warisan keris ni ialah kerana barang-barang ini, pembuat keris ni dah kurang. Dah takde yang serupa yang lama dulu. Dikatakan, macam apa asal keris, datang daripada mana keris. Sebab sini keturunan daripada seberang macam Bugis, macam apa ni Majapahit, apa semua datang keris ni berbagai-bagai. Nama keris yang mulanya iaitu dikatakan senjata tajam. Apa itu senjata tajam? Hulunya panjang tu dikatakan lembing. Daripada lembing tu, kata dia orang pompuan (perempuan) buat hulunya pendek dibubuh nama keris. Orang pompuan (perempuan) kata "orang lelaki tak boleh buat keris, orang lelaki buat dia punya lekuk". Jadilah keris luk. Yang mula-mula asal Dia Luk Tiga. Yang tak ada luk ni dipanggil Keris Pukei (Pukai). Keris Pukei (pukai) ni lurus yang pertama ialah Keris Anak Ala. Lepas itu baru Keris Lekuk, luk tu lepas tu baru keris panjang tu dinamakan keris hukum lah kalau zaman dulu. Tapi sekarang ni dipanggil keris panjang. Jadi cara pembuatan tu dia bukan macam

Ain: Terus macam tu

Pak Mazin: ...parang kita buat kerja buat golok bukan. Sebab keris ni ialah satu lambang kebesaran melayu zaman dahulu. Bukannya untuk berlawan, dia untuk mempertahankan diri; pertahankan diri kalau orang menyerang kita baru senjata tak ada, digunakan itu. Tapi sekarang ni dikira warisan lah lambang orang melayu pada keris. Dan bangsa-bangsa lain pun ada dia punya pewarisan dia. Serupa (seperti) Zembiyer (Jambiya) Arab dia kata "samurai daripada Jepun punya; lepas tu China dengan parang tapik; kalau pedang, orang inggeris / orang putih; kan..macam itulah yang kita ni yang Pak Mazin bagitau generasi yang muda-muda ni tak tahu, bukannya untuk itu. Sekarang ni, kita kalau jadi raja sehari perkahwinan apa itu ini pun lengkap dengan baju melayu, dengan tengkolok. Kalau takde keris tak

Ain: tak handsome (kacak)

Pak Mazin: ......sah. dan ada sebalik-sebaliknya itu. Itulah yang Pak Mazin berminat untuk mempertahankan

Ain: Warisan.

Pak Mazin: ......warisan. Jadi beritahu generasi-generasi yang baru ni tak tahu. Jangan kita kata nak diperlekehkan anu warisan kita sebab warisan lain pun ada warisan. Itu pada hari ni banyak la yang dah tahu dah berkenaan dengan pembuatan keris; dan juga warisan orang kita melayu; apa itu keris. Itulah, supaya jangan hilang

Ain: K. yang kedua ni bila kami nak tanya pasal melalui pembacaan kami, kami dapat tahu yang Pak Mazin sendiri generasi yang keempat?

Pak Mazin: Yaa..

Ain: ...jadi kami nak tahu sejarah macam mana boleh adanya generasi pertama tu yang buat, besi?

Pak Mazin: Generasi yang pertama apa ni ikut keturunan lah. Pak Mazin ni daripada keturunan Tukang Mamat nama dia. Tukang Mamat ni apa yang dicerita orang dahulu; Pak Mazin pun tanya orang; lepas tu bapak Pak Mazin sejak daripada tuk dulu ada cerita; Pak Mazin dengar; dan daripada bapak sekali yang dia ni "Tukang Mamat ni adalah tukang istana dulu lah. Tukang raja sampailah kepada Pandak Lam datuk Pak Mazin

,Pandak Lam. Turun kepada Pandak Lam. Pandak Lam ni, turun kepada bapak Pak Mazin la Abdul Jamil, Abdul Jamil bin Pandak Lam..lepas tu, turun kepada Pak Mazin ni generasi yang keempat. Dan mungkin yang kelima ni Pak Mazin ada melatih anak Pak Mazin lah sorang yang boleh buat, yang ada dua orang. Tapi sorang ni boleh buat golok, pisau. Jenis-jenis anulah buat kerja. Itu yang yang Pak Mazin tengah latih sampai hari ni.

Ain: Yang moyang pak cik tu dia dari zaman bila tu? zaman sultan mana?

Pak Mazin: Dia atas daripada Sultan Iskandar lagi lah

Ain: Ok. Lama lah tu

Pak Mazin: Pandak Lam ni daripada sultan apa ni Iskandar. lepas tu bapak Pak Mazin ni Sultan Idris, Idris lah yang Idris yang bin Iskandar tu dan Pak Mazin ni masa sultan...

Ain: Azlan

Pak Mazin: Dak, masa Sultan Yusof Pak Mazin belajar.

Ain: Lamanya

Pak Mazin: Itu yang masa Pak Mazin buat kecik-kecik tu kan, Pak Mazin juai (jual) bagi pada cucu sultan apa gitu gini. Mase tu kawan-kawan dengan anak sultan masa sekolah rendah tu, kebangsaan tu. Depa yang suka, anu beli tuh. Suka beli, Pak Mazin buat daripada kayu; ukiran; apa gitu-gini; bentuk keris, depa membeli. Ingat, masa tu cucu sultan Almarhum Sultan Yusof ni ialah nama Raja Payung. Nama Raja Payung, Pak Mazin ada anu daripada dia lah. Dan anak orang yang berada sikit lah diorang tengok

Ain: Orang kaya-kaya

Pak Mazin: ...di tu Pak Mazin buat kan. Dema buat kenang-kenangan, ada dulu.. Ungku Masrul sekarang Pak Mazin ingat, yang itu kawan-kawan dengan cucu sultan dulu masa tahun 60an tu. Pastu (Selepas itu)sampai ke Sultan apa Idris dan Sultan Azlan ni pun ada tempah daripada pejabat sultan pada tahun 80 an, Pak Mazin buat. Dengan itu

bersama arwah bapak Pak Mazinlah buat sebanyak 25 bilah tak silap. Semua lengkap dengan anu sekali lah, daripada alat kebesaran lah, istana punya. Masa (Semasa) pertabalan Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Perak dulu, Sultan Azlan dan sampai pada hari ini la. Ada bila hal istiadat apa itu ini, ada yang menempah kat Pak Mazin lah darpada pihak istana negara pun ada juga buat masa ini; yang terbaru ni ada Pak Mazin terima

Ain: Yang mana?

Pak Mazin: ...daripada istana negara

Ain: ...yang sultan baru ni?

Pak Mazin: ...yang baru ni macam yang bersara dulu daripada Sultan Kedah pun

Ain: Sultan Abdul Halim

Pak Mazin: ...Sultan Abdul Halim pun masa tahun 2003 Pak Mazin ada buat Keris Isap adat istiadat yang panjang tu kan. Pak Mazin buat pada tahun 2003. Lepas tu pada persaraan jadi yang agong kali yang ke14 beliau tu Pak Mazin buat. Iaitu dia hendakkan dia punya lekuk 14, menandakan agong yang kali ke14. Lepas tu panjang dia 21 inchi, panjang dialah..lepas tu dua bilah keris. Contoh macam keris kerajaan la, keris Yang Dipertuan Agong (YDPA) tu iaitu Keris Hukum satu, panjang; dan keris apa ni Kepala Pekaka satu, bentuk pekaka pendek. Itu ada Pak Mazin buat. Dan terbaru ni pulak yang ini dengar ceritanya Pak Mazin dapat terima tempahan daripada istana negara, dia hendakkan luk 15, besi dia 15, panjang dia pun 15 Pak Mazin dah buat dah, itu yang, yang Pak Mazin buat lah.

Ain: untuk kegunaan istiadat lah?

Pak Mazin: Itu tak. Pak Mazin tak dapat tahu istiadat ke, nak bagi hadiah ke. Itu Pak Mazin buat 15 inchi, luk dia 15, tanda 15 kali yang ke-15 agong yang ni kan Sultan Muhammad yang ke-V ni. Jadi, panjang dia pun 15, besi 15, luk 15

Ain: Memang apa, memang keris raja-raja ni setiap raja-raja lain-lain kerisnya?

Pak Mazin: Dia kalau mengikut adat keris. Macam Sultan Perak ia adat dia ialah Keris Taming Sari. Kalau keris, Sultan Selangor pun ada nama-nama macam tu lah. Yang Pahang ada nama Pahang punya. Kalau Negeri Sembilan, dia anu Negeri Sembilan punya. Lepas tu ni, yang keris Sultan Kedah yang tu dia buat lekuk 14 tu ialah kali yang ke-15 tapi besi dia sembilan besi.

Ain : Kenapa sembilan besi?

Pak Mazin: Sembilan besi tu, sembilan negeri yang beraja. Itu tanda dia untuk buat kenang-kenangan lah yang Pak Mazin dapat tahu la..Pak Mazin terima tempahan itu, berkehendak macam tu. Cerita dia? itulah cerita dia.

Ain : Maksudnya setiap luk ke, setiap ukiran ke

Pak Mazin: Ada-ada. Ada makna
Ain : ...ada maksud yang tersirat?

Pak Mazin: ...ada maksud. Itu yang Pak Mazin buat ni, dia cara dulu buat. Besi tu dicari macam Tujuh Besi ni yaa. Tujuh Besi tu, dia dicantumkan sekali la, dicantumkan sekali bagi lekat. Lepas tu baru dah lekat tu, dipanjangkan baru dimasukan. Kalau hendak besi sembilan, masukkan sembilan keping besi tu; masuk dalam lipat lagi masuk sekali lagi lipat lagi sampai ke sembilan. Macam tu kaedah buat dia. Besi dia nak ada besi tawar; melela, besi baja, melela. Itu ja, besi tawar, besi baja, besi melela. Tiga Besi.

Yana: Mana dapat sumber besi ni?

Pak Mazin: Dapat sumber besi ni daripada kedai besi buruk la, jual-jual besi buruk.

Ain: Dia maksudnya besi ni bukan la yang macam kita import dari memana ke? memang asal daripada tanah?

Pak Mazin: Di sini la guna. Tapi kalau dulu besi ni takde, besi dibuat sendiri dulu campur-campur bahan-bahan dibuat, dijadikan besi pada zaman belum ada besi buat. Macam sekarang ni Besi Keluli ada dah siap kan. Tapi besi tu diambil Pak Mazin anu kan balik lah, dilebur balik. Itu yang di kata tawar, baja melela tu dia tu dileburkan balik dalam apa ni dapur dia. Jadi tak mengunakan latu, tak menggunakan ubat, tak

menggunaakan kimia tu, takde. Jadi Pak Mazin satukan dengan cara ilmu yang Pak Mazin belajar lah. Belajar tu bukan belajar daripada memana, daripada tengok datuk dulu; daripada bapak; di situ lah Pak Mazin belajar. Dan pengalaman Pak Mazin selama tu lebih kurang dalam tujuh tahun baru boleh dia Pak Mazin ketengah. Anak hari tu pun, anak Pak Mazin pun dah 11 tahun campur besi yang susah. Kalau gunakan kimia itu ini dia takde asli. Ini dia asli betul besi dia. Dia jadi Pamor tu, jadi sendiri. Itu yang dinamakan Pamor. Dia jadi sendiri itu, dinamakan Pamor. Itulah sambutan keris Pak Mazin pada hari ini boleh katakan.

Ain: Mengekalkan keaslian la

Pak Mazin: Itu kira anu lah, dapat berbaloi lah kata apa yang Pak Mazin belajar selama hari ni selama berpuluh tahun itulah. Sebabnya dulu peringatan daripada bapak dulu..dia kata "kamu sambungkan ini generasi yang akan datang, mungkin tak ada" dia kata. Dia tak bagi Pak Mazin pergi kerja luar kampung itu ini.

Ain: Kerja luar?

Pak Mazin: ..."terus satu hari besok orang akan kenai (kenal) kamu" dia kata. Memang Alhamdulillah. Memang betul daripada dulu ramai kira tukang membuat keris ni, tak-tak seberapa ramai golok, ya. Tapi kira adalah pembuat anu keris. Tapi sekarang ni tinggai Pak Mazin seorang saja (sahaja). Tambah dengan anak Pak Mazin ni takut dia buat besok. Anulah penyambung serupa Pak Mazin punya.

Ain: Dia macam mana tu? dia bila nak ada perintis tu, dia kena ada macam tangan panas ke? Kan orang cakap

Pak Mazin: Dia yang pertama sekali minat. Dia ada minat, dia rajin dia disitu lah datangnya macam serupa Pak Mazin dulu. Kalau tak datang minat mulakan, tak dapat apa nama tekun apa nama itu ini. Sebab buat ni, Cabaran dia, risiko dia tinggi. Yang pertama sekali menghadap api. Lepas tu (Selepas itu) nak mencari bahan bahan dia. Macam dulu kalau Pak Mazin buat arang tu nak pergi ke hutan, pergi buat sendiri bukan arang beli yang anu tidak. Lepas tu (Selepas itu) kayu-kayu Pak Mazin kena cari ke hutan pergi cari sendiri, diajar oleh bapak dulu lah. Tapi pada hari ini dah moden ni. Alat-alat moden pun ada, boleh menolong kerja-kerja yang berat tu. Tapi dulu takde. Macam alat nak menguji besi takde, lani (sekarang) ada canai nak motong besi, nak motong kayu ada gergaji motong kayu pakai alat mesin. Dulu takde, buat arang ni pun Pak Mazin pergi ke hutan daripada pagi sampai malam baru balik. Hutan tu macam jauh-jauh la. Nak bakar kayu tu

macam mana cara bakarnya. Pak Mazin daripada situ. Sudah bakar kayu tu pulak nak jadikan arang tu, apa digunakan?. Macam guna tayor (tayar) nak renyejerr nak kuatkan arang tu taruh tanoh. Tapi sekarang ni arang dah main beli je ada.

Ain: Alhamdulillah la.

Pak Mazin: Itupun sekampit gula tu sekaa ari ni, dia jual 12 ringgit. Kalau dulu seguni belang besar tu dia kalau buat sendiri, tak de anu dia lah. Kalau ada juga orang yang jual dulu dalam tahun 70an tu ada. Ada jual lebih kurang tiga ringgit atau empat ringgit duit. Guni belang tu. Sejarah Pak Mazin tu ingat, daripada yang asai lama dulu buatnya. Tapi sekarang, dulu pakei kikior (kikir) kan. Kata nak apa ni ngasah besi tu pakai kikior. Sekarang ni pakai canai tu dan kikior tak banyak pakai. Pak Mazin gunakan tradisional juga.

Ain: Masih lagi pakai kikir

Pak Mazin: ...masih tradisional. Macam nak menyejukkan api dipakai angin tu. Dulu terpaksa buat kelubung nama dia, daripada batang kayu ditebuk dipanggil musang. lepas tu (Selepas itu) tempat menyimpan angin dia nak belajar nak buat tu, macam mana nak buat dia punya kambu nak datangkan angin jadi serupa. Sekarang ni alat moden ni angin tu dipanggil blower lah. Dia pakei (pakai) karen elektrik (arus elektrik). Yaa ada kemudahan yang senanglah kalo hari ni. Dan sekarang ni kalau nak ada modei (modal) kate yew. Macam pakai drolet trul (drolet tool). Kita boleh pakai, ada tapi Pak Mazin tak ada pakai lagi lah tu tak lepas nu lagi lah. Ada Pak Mazin mohon tu dan harga tu memang mahal tu ada sampai 30 ribu nya harga. Tapi sekarang ni lagi tinggi harga dia la.

Ain Betui (betul).

Pak Mazin: Pak Mazin dapat tempahan anu ini pun ada. Ada tapi yang kata tempahan keris ni, sekarang ni banyak la kan. Daripada harga dulu dengan sekarang ni, daripada seribu ke atas la. Yang lima ribu pun ada tapi bukannya selalu dapat yang rega-rega lima ribu ni. Kalau Pak Mazin ceritakan membuat keris ni. Dia lama dia kalau yang keris yang berkualiti nya dalam jangka masa sebulan lah. Kalau dulu lebih pada sebulan tapi sekarang ni sebulan ataupun tiga minggu yang paling cepat. Kalau orang nak buat cepat lagi, dia lebih kurang dalam tiga minggu. Tiga minggu ni cara melebur besi, dah lebur. Lepaih tu (Selepas itu) menyuci besi, membentuk dia apa itu ini. Dalam keris tu macam-macam nama ada. Daripada itu yang masa yang kualiti yang katakan harga sampei (sampai) buat istana punya tu macam baru ni yer. Lima ribu lima ratus tu Pak Mazin buat

tu taruk besi susun dia dengan berapa besi 15 besi la, tujah pa besi apa itu ini. Tu (itu) cara-cara yang tapi bukan selalu dapat. Yang macam tu ja, yang biasa-biasa Pak Mazin kerja hari-hari ni memang ada dapatlah. Macam seribu,

Ain: Untuk peminat kerislah

Pak Mazin: ...seribu lebih tu ada pendapatan. Pak Mazin kira bulanan boleh sara anak keluarga Pak Mazin lah. Macam gaji tiga ribu lebih kurang begitu lah. Pak Mazin pendapatan tak, tak tak tetap. Kalau ada orang menempah yang besor (besar), yang itu kira masa yang lama pulak itu. Tapi dek kerana apa nama ingatkan warisan ni kata tadi , kalau tak sambung warisan ni sapa lagi

Yana: Sayang

Pak Mazin: Sayang. Kalau tak buat, dia hilang begitu saja (sahaja). Jadi, anak muda yang baru, generasi baru tak tau. Senjata Melayu itu ini tak tau. Senjata melayu ni banyak daripada lembingnya, kerisnya, lawi ayamnya, tombuk lada, badiknya. Semua-mua ada anu lah. Dan pedang melayu kata, sundang bugisnya ada.

Ain: Pak cik buat semua itu.

Pak Mazin: Bugis ada, Majapahit ada semua anu daripada anulah Jawa punya nulah. Itu sebab dia kata "sundang, Sundang Bugis. Keris, Keris Jawa. Keris Bali, Keris Madura Nagasasto itu lain". Dia sampai ke semenanjung dia nama keris itu tadi lah. Keris Pukai, Anak Alang, Keris Lekuk. Lepas tu bahagian hulu pun, dia ada nama-nama hulu dia. Jawa Demam, asai (asal) Jawa Demam tu apa? kepala orang dia ada takat dengan tangan peluk tubuh dia itu yang tinggei (tinggal). Tapi kalau dulu sampai ke semenanjung, dia Islam ni kuat. Kurun 15 atau 14 kalau tak silap cerita di bapak dulu la "dia tak boleh pakai kepala orang ni. Itu yang ditukar Ayam Teleng, Ayam Sejuk, Pinggang Kerengga, Tapak Kuda, Keris Panjang pakei. Lepas tu (Selepas itu) ciri-ciri dalam keris tu, kalau macam pada hari ni kita tengok ada bentuk naga. Naga Soso, Naga Sastra itu keris datang daripada tempat lain lah.

Ain: Okay.

Pak Mazin: Lepas tu (Selepas itu) di semenanjung ni dia pakei mengikut apa yang di tengok, adat-adat melayu apa itu ini kan. Macam dia kata, yang pertama Besi Tiga tadi lah, Tujuh Pa itu ini. Lepas tu (Selepas itu) nama ciri-ciri dalam keris tu kalau Keris Berluk ni dia ada tuntut keris, perut keris, lekuk, pamor. Lepas tu (Selepas itu) belalai gajah, tambe gajoh,kambing kacang, ekor cicak,

Ain: Banyaknya

Pak Mazin: ...aarit, janggut, dagu, puting dia. Sampai yang masuk ke dalam hulu tu. Kalau belalai gajah ni apa dia punya maksud? Itu satu lambang kenaikan lambang kenaikan pembesar zaman dahulu, dia tengok itu. Macam bentuk sarung, bentuk kapei (kapal), bentuk sampan tu. Ialah dulu punya orang berdagang, orang apa semua mengunakan tongkang mengunakan kapei, sampan kan. Di situ ambil itu namakan sampei. Lepas tu (Selepas itu), batang sarung dia apa kaitan sarung dengan apa ni sampei. Ialah batang sarung tu tiang layar sampan, tiang layar tongkang zaman dahulu. Itulah dikaitan sampai ke semenanjung di Perak ni lah, yang Pak Mazin belajar tu dekat bapak dulu. Kalau Pak Mazin tak ambil ini, tak (tidak) tahu generasi yang kata batang sarung ini ada yang kata. Itu diorang punya anu lah. Ada yang sebut lain kan. Tapi Pak Mazin yang belajo (belajar) dia kaitan ada semua. Macam kata belalai gajah tadi kalau dibentukkan, kita bayang kan macam betui (betul) seekor gajah. Kenaikan orang-orang zaman pembesar zaman dulu. Naik gajah, lepas tu (Selepas itu) tongkang pedagang lah apa itu ini. Tongkang itu gunakan layor (layar). Tu tiang layor dijadikan batang sarung. Lepas tu ditarukkan buntut dia bentuk kasut, bentuk raga dan ekor lipas. Keris-keris yang tertentu pakei (pakai). Macam Keris Panjang ni dia bentuk raga ni, siapa pakai? macam pembesar pakai. Bentuk ekor lipas ni, orang biasa la yang pakai. Dia ada maksud-maksud dia ada, itu yang Pak Mazin ambil. Belajar dulu nak tahu. Tidak, Pak Mazin tidak buat keris. Kalau tidak tahu maksud-maksud apa itu ini; besi apa itu ini; cara campur; cara besi ini besi ni, besi ni. Pak Mazin tak buat keris rasa, sebab tak nak anak ambil anu temu ramah macam ni pun kalau tanya,

Ain: Tak tahu.

Pak Mazin: ...Pak Mazin tidak boleh, tak tahu nak jawab. Macam tu lah warisan ni apa ni. Kita jangan

Ain: Ambil sebahagian je

Pak Mazin: ...ambil lewa, sahaja dan anu saja. Apa guna keris. Tak guna tapi kita berguna perwarisan.

Yana: Kiranya keris ni dari sana la, bawak ke sini ilmunya itu bukan start (mula) dari sini?

Pak Mazin: Dia asal dari keturunan sanalah. Dan pada hari ni Pak Mazin hari tu. Ada dalam TV (televisyen) pun ada. Sampai hari ni Pak Mazin pergi dipanggil di Sungai Petani menjadi ikon negaraku. Jadi, Pak Mazin lima orang lah, termasuk Pak Mazin seorang, yang mendaki Gunung Everest tu, yang buat tangan palsu, yang buat apa pilot (Juru Terbang) yang major nama pun Pak Mazin lupa yang bawa kapal terbang perang, sama dengan diorang lima orang yang membuat baju tradisional. Itu lima orang lah di Sungai Petani dan di Kuala Kangsar tu Pak Mazin terpilih masuk juga. Lima orang

Ain: Anugerah la?

Pak Mazin: ...daripada tujuh orang di sini. Dengan artisnya apa itu ini lah yang dapat masuk. Pak Mazin seorang juga. Ini kemungkinan Pak Mazin duk (duduk) bercerita panggil pergi ke Pahang pulak la.

Ain: Untuk?

Pak Mazin: Dia ada dah ditelefon kemungkinanlah In Sha Allah kalau tidak ada apa-apa uzur dia. Kalau dia ada panggil lagi, Pak Mazin pergi. Sebab Pak Mazin semangat ni kerana negaraku. Negaraku ni bersabit dengan ini juga

Ain: Betul

Pak Mazin: Jadi itu satu, Pak Mazin rasa bangga anu lah pada hari ni. Apa yang Pak Mazin anu kan, apa ni ketengahkan bende ni yer. Jadi pihak yang tertentu, kerajaan apa itu ini ambil berat lah ke Pak Mazin selalu. Daripada tourism (pelancongan), banyak pelancong datang daripada Australia, Canada, German. Pak Mazin pada hari ni kira datang boleh kata kalau kira hari-hari datang. Daripada Tourism (pelancongan) Tourism (pelancongan) Perak, Tourism (pelancongan) Malaysia yang datang. Tu Pak Mazin rasa anu lah.

Ain: Berbesar hati lah

Pak Mazin: Yang ada sekali keris pak mazin ni suatu ketika dulu, ada macam menteri anu menempah keris. Lepas tu (Selepas itu) menggunakan bentuk lambang depa nu lah. Mula daripada sultan sampai ke Yang Dipertuan Agong (YDPA) yang bersara, yang baru

Ain: Okay

Pak Mazin: Pak Mazin rasa bangga,

Ain: Alhamdulillah.

Pak Mazin: ...jadi Pak Mazin ingatkan kepada yang generasi yang baru ni. Kalau nak agak, nak apa ni, ada minat rasa boleh datang. Macam UiTM dulu ada dua orang, dia untuk dua praktikal kursus sini yer. Selama tiga bulan ni tak cukup. Tapi dia menyambung Pak Mazin sampai pada hari ini. Kalau Dia tak ada apa hal cuti ka, dia dah masuk U (universiti) ambil anulah dia ambil apa yang ni la kan. Dia datang rumah Pak Mazin tidur selama seminggu ke, sambung Pak Mazin ajar buat.

Ain: Baguihnya (Bagusnya)

Pak Mazin: Memang, Memang dia berminat. Dia orang Kedah. Bapak dia, mak dia orang kedah. Bapak dia pensyarah, mak dia pun pensyarah.

Yana: Dia minat

Pak Mazin: Tapi dia minat, sampai hari ni. Nama dia pun tak silap orang panggil Langsi nama dia. Nama dia daripada UiTM mula-mula. Dan dia buat, sambil-sambilan anu lah dia. Dia ada buat landskap untuk anu ni apa tempat-tempat yang anulah yang macam tu kan. orang apa ni macam di Ipoh tu, taman-taman apa itu ini kan. Dia ambil itu

Yana: Ambil bahagian tu..

Pak Mazin: ...dia ambil bahagian tu. Tapi macam itu la Pak Mazin cerita, cerita dia bukannya untuk dia nak buat tapi untuk mengingatkan warisan.

Ain: Lepas tu (Selepas itu) ada lagi?

Pak Mazin: Ada lagi?

Yana: Ada lagi

Ain: Berkenan pasalkan tadikan pasal..apa ea tadi..pasal tukang mamat tu kan. Yang generasi keempat tu, dia memang asal, asal orang sini atau pun dia adalah salah seorang pedagang dari bugis.

Pak Mazin: Ini Pak Mazin dapat tahu dia asal dah lama sini juga tapi asai (asal) tu keturunan bugis la. Tu yang dapat tahu

Ain: Bukan la dia macam dia datang sini untuk tolong tentera kan kebanyakkan

Pak Mazin: Itu Pak Mazin tidak taahu..

Yana: Tak dan kot

Pak Mazin: Tak dan. Pak Mazin tak ada. Sebab kata orang, diorang, dia ni tukang

Ain: Besi

Pak Mazin: ...istana dan Pandak Lam ni pun memang-memang. Bapak Pak Mazin pun ada membuat istana punya, sampai hari ni Pak Mazin sendiri. Alhamdulillah

Ain: Lepas tu macam kita tahu tadi macam keris ada pantang larang dia, apa yang pak cik boleh kongsikan dengan kami pantang larang dia?

Pak Mazin: Dia hari ni pantang-larang keris tu, kalau dulu banyak. Orang perempuan nak datang tengok, tempat dia buat tu pun, sekerat pun tak boleh masuk. Dan apa ni orang-orang ni yang anu pun tak boleh masuk. Dia tak bagi tengok. Tapi dek kerana Pak Mazin ni kata bende ni pupus kita tak bagitahu diorang, pada siapa nak anu lagi. Macam datuk Pak Mazin dulu pun dia sorok. Pak Mazin je yang dapat anu ni.Tapi ada yang di (ajor) ajar dulu. Dia ajarnya hat di lipat-lipat gitu je. Ada, tapi dengan Pak Mazin ni semua besi lipat, besi masukkan, campur perak ke, campur emas apa gitu gini. Ada, lepas tu (Selepas itu) cara-cara besi yang anu berpa-berapa besi sampai ke 21 besi. Nama-nama itu semua ada. Itu yang Pak Mazin tahu la. Dengan Pak Mazin habis, Pak Mazin ambil cerita dia berkenaan dengan ini saja lah. Tentang ilmu-ilmu ini Pak Mazin tahu gitu jer la. Ilmu macam sekarang ni kan kalau kita anu pun, taksub tak boleh. Tu macam tadi Pak Mazin cerita kat orang tu, cerita keris dia tadi memang dia ada panas.

Ain: Apa maksud panas tu?

Pak Mazin: Besi ni dia panas. Maksud panas ni dia, dulu orang yang punya keris tu dia jaga lain daripada anu. Diseru ke. Diseru besi tu untuk menjaga dia khadam apa gitu gini, itu yang tak nak tu.

Ain: Tak elok

Pak Mazin: Tapi dalam Besi Tujuh tu ada semua dah. Besi paku, pagar, puting, payung, pisau, pencebok kan. Dia Tujuh jenis besi tu pahat kan dia ada maksud dia. Paku ni mempertahankan diri; macam pagar menjaga keselamatan; macam puting ni unsur-unsur kekebalan. Cerita-cerita dulu la kan cara, petua. Ni petua, jangan kita kata aku ada besi. Apa nama ni

Ain: Tujuh besi tu

Pak Mazin: apa nama ni puting ni aku pakei (pakai) keris ni kebei(kebal), tak boleh. Sebab ini semua jadian Allah Taala yang anukan(ciptakan). Kita pun mohon dari Allah Taala. Ini cuma petua, kalau nak ke hutan ambil petua ke hutan. Kalau nak ke sungai, ambil petua sungei (sungai). Sebab zaman-zaman nabi tukang besi ni pun ada, buat nyata nya ada. Jadi ikut daripada situ lah. Pantang-pantang larang kalau jumpa macam lebur besi ni Pak Mazin la kalau orang meninggal apa itu ini tak mahu, tak mahu melekat pergi tu. Ada macam tu jenuh buat. Lepas tu (Selepas itu) kalau hati tu tak ada apa ni

Ain: Tak tenang

Pak Mazin: Tak senang, tak ada apa. Memang tak boleh buat, kalau. Memang kalau ambil golok tak apa, ambil besi katup terus je. Tapi kalau buat pasang besi campur ni maklum bukan diguna apa ni, gam ke gunakan nama pijor ke, takde. Antara besi dengan besi tu saje. Macam mana kata orang putih daripada Australia kata dia ada buat tapi tak mau lekat. Ada rahsia dia, tu ja. Rahsia tu Pak Mazin sendiri pun

Ain: Tak tahu

Pak Mazin: Bila Pak Mazin buat baru ada. Itu datang ilham. Itu nama warisan keris.

Yana: Maksudnya, dia takleh minat buat saja , dia kena mendalami

Pak Mazin: Mendalami la

Ain: Rasa sayang dia tu

Pak Mazin: Pak Mazin daripada 12 tahun tu tahun 80an baru boleh buat.

Ain: Maksudnya bukan semua orang boleh buat.

Pak Mazin: Sampai lah sekarang ni Pak Mazin buat tu alhamdulillah la. Pak Mazin tengok bunga api dia, bunga api satu, bunga api dua pecah enam, jatuhnya berapa jadi dalam dapur tu.

Ain: Dalam dapur tu macam-macam jadi.

Pak Mazin: Dia besi tu cair dalam tu, angkat pelan-pelan. Baru bawak ke tempat landas tu, mengetuk tu. Bukan tiba ambil tu bakor (bakar) merah, main ketuk tidak. Ada

cara dia. Tapi cara ni Pak Mazin nak cerita, susah sikit. Sebab Pak Mazin pun dapat dalam itu, tengah buat tu baru dia.

Ain: Dia Ilham dia time tu ja.

Pak Mazin: Itu yang katakan ilmu dia tu. Ilmu ini susah orang nak dapat. Orang terdahulu pun macam itu juga. Tak ada menggunakan pijor, tak da gunakan kimia apa nak lekat. Kalau besi ada kimia, Pak Mazin ada jumpa bakar asap dia kita jadi anu.

Ain: Rosak la paru-paru

Pak Mazin: Masuk hospital dibuat. (ketawa) Ada, Pak Mazin andok. Kalau besi nak tengok betui-betui dulu ini. dia kata "anu besi olah apa lah tengok"..eii, ini bukan.

Ain: Maksudnya, pak cik boleh tengok la besi pun dah tau dah ada chemical ke tak?

Pak Mazin: Macam ada orang uji Pak Mazin ada buat. Pak Mazin bukan pandei (paandai), idokk (tidak). Tapi Tuhan dorongkan kan. Tuhan bagi anulah, bagi hidayat kepada kita kan. Ada rasa, ada gerak. Itu saja bukan Pak Mazin ada ilmu tidak. Pak Mazin takut apa, Pak Mazin tak ada ilmu, tak ada.

Ain: Mungkin dari pengalaman kan

Pak Mazin: Macam besi yang tak boleh. Yang kata besi kuasa gajah apa gitu gini tu, Pak Mazin jumpa. Bila pegang tu sejuk, sampai ke tulang. Itu maknanya tak. Kita dapat anulah. Itu je.

Ain: Sejuk sampai ke

Pak Mazin: Tak usah la buat.

Ain: ...tulang, itu maksudnya besi?

Pak Mazin: Dia bagi petunjuk la, dia kata besi tu ada anu dia.

Ain: Ada maksudnya

Pak Mazin: Dia dah diapa ni kata orang, sudah di khadamkan. Tengok, gajah dia tengok besi tu takut meleleh air mata dia.

Yana: Dia punya power (kuasa) Seram

Pak Mazin: Itu Pak Mazin beritahu yang pengalaman Pak Mazin jumpa. Bukan Pak Mazin pandai, tidak. Pak Mazin tak mengaku Pak Mazin pandai.

Ain: Maksudnya yang bagi, yang datang sini dia hantar besi terus la, Pak Mazin

Pak Mazin: Ada yang hantar

Ain: ...tolong ukir ke?

Pak Mazin: Ada yang Pak Mazin cari besi, ada yang hantar besi

Ain: Yang hantar besi tu banyak ragamnya

Pak Mazin: Yang besi lama-lama tu, macam itu lah banyak ragam ni la kan. Macam dikata nak tahu tahi bintang, ada daripada kedah tu memaang anu lah. Tak boleh nak dipotong besi, tak boleh macam tahi bintang nu. Keras besi tu. Lepas tu (Selepas itu) macam besi daripada tulang-tulang binatang itu ini, kan ada besi. Ada kalau di muzium negara ada. Tulang mawas nu kan, dia daripada tangan dia ni besi. Itu orang dulu ada buat, bapak Pak Mazin ada buat. Tapi Pak Mazin tak ambil. Dia kata "tak usah la"

Ain: Risau. Dia ada kuasa-kuasa lain

Pak Mazin: Kuasa lain, jadi nak belajar yang itu pun lama. Lepas tu (Selepas itu) yang taruh-taruh bisa ni kan.

Ain: Taruh bisa tu yang orang kata letak apa bisa ular depan tu?

Pak Mazin: Tu dia daripada binatang-binatang yang bisa tu. Dia ambil dengan mula dengan ayor tujuh permatang sua, tujuh anak sungai. Lepas tu (Selepas itu) bisa ular, bisa katak puru, bisa-bisa binatang bisa lah sampeinya (sampai) ke ulat bulu tu dia kata beluncas tu kan. Bila terkena kita pun gatai. Macam itu keris tu bila gores saja, tak boleh baik. Tapi Pak Mazin tak ada ambil tu. Cerita tu dia bagi, ambil tu tak usah. Dia kata "Itu pedinding"

Ain: Ada maksudnya

Pak Mazin: Ada tapi tak guna pun generasi baru ni. Itu saja bukan kita nak pakai anu.

Ain: Yang pemegang keris tu kena ada cara tak nak jaga dia? kut reput ke? Ke dia tak reput?

Pak Mazin: Dia kalau kayu terpilih, macam kemuni ni, dia tak reput. Dia tambah lama lagi elok. Lagi lama lagi cahaya dia, seri dia. Dia akan keluar. Itu pasal orang dulu buat kayu semua ni dia ada khasiat dia. Khasiat dia jaga, orang jaga badan dia kan. Bila ni dia nampak, lagi lama lagi elok. Lagi lama lagi elok. Itu yang anunya. Dan cara pemakai pun ada keris, cara menyambut keris ada, cara nak buat anu keris istiadat ada, itu yang Pak Mazin anu lah.

Ain: Contoh kan macam kalau keris nak macam beli keris kan, lepas tu (selepas itu) macam mana cara penjagaan dia?

Pak Mazin: Penjagaan dia, banyak menggunakan asam limau lah. Keris sebabnya dia tak ada. Kalau golok tajam, kita nak tajam kita asah dengan batu pengasah. Tapi keris tidak, dia dengan asam limau dia. Bila kita asam tu, dia sebulan-bulan dia nampak lain. Dia boleh timbul lain

Ain: maksud lain tu? Bersinar ke tajam ke

Pak Mazin: Bukan. Dia tajam pun tajam. Pamor dia tu akan bertukar. Kalau keris yang anu la, yang serasi dengan orang tu. Dengan dia tu. Itu yang berguna tu. Bukan apa, dia

Yana: Dia berapa kerap kena tu? kena asam limau tu?

Pak Mazin: Dia kalau selalu depa buat tu lima biji, tujuh biji keris. Tujuh, lima, pastu (selepas itu) tiga biji. Tengok dia punya anu lah, nak nak buat berapa pun. Lepas tu (selepas itu) baru boleh dengan kemiyan asapkan untuk meng ering ayo (air) dia. Kalau dulu asap kemiyan tu menjaga keris ni dia ma. Itu yang kata nak panggil hantu la, apa gitu gini kan. Keris ni pun kalau panggil hantu tu, dia masuk buat apa. Itu sendiri la, Pak Mazin tak bagi. Pak Mazin pun tak ada tu,Tak nak.

Ain: Ha..betul

Pak Mazin: Kalau kita tahan, anak-anak pun tak tahan.

Ain: Betul

Pak Mazin: Cucu-cucu kita tak tahan, pasal besi

Ain: Lepas tu, (selepas itu) kalau macam keris tu. Kan pak cik cakap tadi, dia macam tak serasi dengan tuan dia, apa yang menyebabkan dia tak serasi? Dia terbang ke?

Pak Mazin: Itu yang pakcik kata tadi,kalau tak serasi tu dalam keluarga kehidupan dia pun kadang-kadang ini kata kalau ...taksub. Tak serasi anu kira duduk rumah tak senang, apa gitu gini. Itu yang kata panas tadi.

Ain: Okay

Pak Mazin: Itu yang kata anu tadi. Macam hati nak marah je. Ada, bukan-bukan ini ini besi dia lama-lama besi lama dulu memang ada. Sebab dulu diorang buat ni untuk dalang dia akan panggil dalang dia empu dia tu. dia buat kembang boceynya dengan ayat-ayat yang dia mentera besi apa gitu gini.

Ain: Okay

Pak Mazin: Kan macam itu lah kira kaedahnya. Macam Pak Mazin, berselawatkan dia gitu gini. Ingatkan yang, apa usul asal yang, sapa yang anu besi. Itulah kita mohon elok daripada Allah Taala. Jangan jumpa bencana apa-apa. Itu yang Pak Mazin pegang. Tapi alhamdulillah, daripada hari ni tak da la yang bermasalah maksudnya. Cuma sikit-sikit la kalau ada.

Ain: Panasnya.

Pak Mazin: Sebab orang dulu-dulu yang dia ni bukan dia untuk berlawan, untuk berdagang, berniaga. Dia ada senjata badiknya, ada tumbuk lada, ada kerisnya. Itu kata Tujuh Besi macam besi pahat nak meluaskan perniagaan. Pastu (Selepas itu) macam payung sebelum hujan dia berlindung di situ la, sebelum anu hujan sediakan payung. Untuk itu la. Dia petua, petua.

Ain: Okay

Pak Mazin: Kalau benda ni kita mintak daripada Tuhan juga. Itu tadi balik ke situ juga. Tapi kalau silap lidah kita, "oh aku ada ini tak boleh, payung mana boleh tahan". Itu pasai dia kata, keris ni untuk mempertahankan diri. Kalau musuh datang baru dia digunakan.

Ain: Macam pak cik tadi kan, dia ada cerita pasai darah. Apa mak(maksud) tak faham. saya pun tak faham macam mana?

Pak Mazin: Dia gini, besi ni dia kalau kita tikam binatang ke. Itu tak kira anu lah. Dia ada bekas tu tak hilang. Dia tak hilang. Darah ni dia macam satu anu juga la Pak Mazin kata.

Ain: Dia memang tak hilang, cuci macam mana pun dia tak hilang?

Pak Mazin: Dia mesti ada tangkap hitam, sekerat nampak cahaya.

Ain: Walaupun kita cuci ke, asid ke?

Pak Mazin: Tahu la..Kita boleh nampak. Kalau yang biasa ni tak ada apa, dia sama ja.

Ain: Pak cik buat sarung dengan hulu jugak ke?

Pak Mazin: Semua sekali

Ain: Semua sekali

Pak Mazin: Daripada cari besi dia, buat busana keris dia, buat dia punya hulu. Lepas tu (Selepas itu) apa nama ni, sarung dia. Semua Pak Mazin buatkan sampai siap. Cuma pendokok sahaja Pak Mazin tak buat, pasai ada juai. Ada tempat tempah kan. Dan Pak Mazin selalu terima tempahan ni daripada anu Meriawangsa.

Ain: Meriawangsa?

Pak Mazin: Meriawangsa la yang selalu. Cawangan dia di Kedah pun ada, Meriawangsa ni. Di Kuala Lumpur pun ada. Meriawangsa ni dia membuat anu la. Barang-barang alat kebesaran. Jadi keris istana apa semua, ni Pak Mazin dah anu daripada Meriawangsa la datang. Ada juga daripada terus Pak Mazin.

Yana: Hulu dia tu, kayu guna kayu apa?

Pak Mazin: Kemuning lah

Yana: Kemuning sahaja?

Pak Mazin: Dia Kayu Kemuning ni ada dua, tiga jenis Kayu Kemuning lah. Kayu Kemuning Emas, Kemuning Hitam, pastu kemuning apa kata ni Kemuning Sabut yang di kampung ni dia tak berapa cantik. Tapi yang cantik, yang dua ni lah Kemuning Emas ,Kemuning Hitam. Ini pun yang hitam, susah lagi susah nak dapat. Lepas itu, (Selepas itu) Kayu Sena / Kayu Malam ni kalau kat Sarawak dipanggil Kayu Malam. Kalau di sini

dipanggil Kayu Arang-Arang. Lepas tu (Selepas itu) Kayu Petai Belalang. Petai Belalang kalau sini dipanggil Kayu Petai Jawa. Petai Jawa / Petai Belalang yang tepi jalan tu ada juga. Yang itu tak berapa cantik. Yang cantik yang dalam kampung ni ja berbuku-buku. Yang itu cantik. Dia ambil teras dia sahaja dan dia tahan kalau kita tak ada apa ni reput di tanah kan. Kalau di dalam rumah sahaja sampai ratus tahun pun dia tahan.

Ain: Dia maksud tak boleh kena panas la?

Pak Mazin: Dia tak ada panas hujan la. Barang panas hujan ni barang yang tahan anu pun, besi pun habis karat. Inikan pulak kayu. Tapi ada kayu yang anu, macam kemuning hitam dia tak ada makan dek nu tanah, tak ada.

Ain: Dia boleh bertahan lama

Pak Mazin: Macam kemuning emas nu kan, memang tahan.

Ain: So (jadi). Kayu

Pak Mazin: Nak dapat pun masa hari ni susah. Ini kayu-kayu

Ain: Dia macam Kayu Jati la mahai?

Pak Mazin: Dia Jati boleh dapat, orang tanam apa. Dia atas kira atas batu, macam gunung-gunung. Yang sebelah sini, tak ada Kemuning. Kira sebelah Lenggong ke atas. Sebelah Ijok ke atas. Macam Kayu Serian, Kayu Serian ni dia kadang-kadang dia ada bunga-bunga. Ha ni dia macam ni, bunga macam ni. Serian, ha ni. ha ni, ha ni dia bunga macam ni, serian. Ini yang cantik buat. Hulu sarung keris. Tapi sekarang ni diorang tengok ambikkan buku dia apa gitu gini. Ada blok rimau la apa gitu gini. Yang itu la kata anu. Tapi sebenar ini, serian dia ada bunga macam sisik ikan. Ini kemuning emas.

Ain: Cantiknya. Yang atas la. Yang bawah tu?

Pak Mazin: Ini anak Pak Mazin buat. Kemuning Emas.

Ain: maksud hulu dia pun, kena ikut character tuannya ke,macam mana?

Pak Mazin: Ikut-ikut tuan dia nak la. Dia kata

Ain: Ikut dia nak la

Pak Mazin: ...nak yang Ayam Teleng, macam ni la Ayam Teleng.

Ain: oo..Ayam Teleng,

Pak Mazin: Ayam Teleng, yang ini katakan Jawa Demam tu orang tu. Dia ini orang peluk tubuh ni. Ni bahu kita ni kan, ni bahu kita. Yang ini bahagian ketiak kita, yang ada ni sikit ni. Itu maksud dia tu. Yang ini tengkolok dia la, jadikan balung ni. Ni pucuk rebung tengkolok tu

Ain: Dia sebenarnya bende lain la?

Pak Mazin: Ni orang peluk tu yang ni peluk tubuh. Kalau tengok sini sama orang duduk tahiyat. Tengok

Ain: Betui

Pak Mazin: Dia ada. Tengok anu, macam ini, ini bulan. Kalau yang satu lagi, yang kapei (kapal) sampan bentuk dia macam ni. Inilah.

Ain: Sampan dia senget sikit.

Pak Mazin: Ini sampan. Lepas tu (Selepas itu) ini bahagian sampan tu belakang dia. Ini batang sarung dia. Jadi tiang layor(layar) dia sini.

Ain: Faham dah..

Pak Mazin: Kan, itu ada kaitan apa ni simbol anu tu.

Ain: Simbol perdagangan semua.

Pak Mazin: Ini kayu, tengok Kayu Petai Belalang dia makin lama. Haritu (hari itu) bukan macam ni ni. Dia makin lama makin nak nak hitam merah. Lagi lama lagi dia cahaya dia elok.

Ain: oo.. maksudnya lagi cerah, lagi elok.

Pak Mazin: Kalu ini kan, kalau macam inikan. Dia malam-malam, dia ada cahaya anu. Dia serupa macam kita pakai batu akit tu. Ha ni serian tengok. Dia kalau malam, suluh dilampu. Dia merelip, tapi di cuci dengan anu lah. Kalau dulu, orang cuci dengan Daun Seperlas tu. Tapi sekarang ni dengan Kertas Pasir la buat dia buat juaikan (jualkan).

Ain: Kertas pasir tak calar la?

Pak Mazin: Yang halus sekali tu. Mula yang kasar, pastu yang halus. Baru jadi macam ni. Tembak spray. Kalau dulu pakai syelek daripada getah kayu kan. Nak Kena masak getah kayu, ambil getah kayu di hutan. Pak Mazin pun dah tak ingat kayu dia, dia ambik, masak, udah masak baru disapu sini. Itu yang tak luntur, yang di muzium sampai hari ini ada orang sayang nak anu tu. Tu lah, dulu bukan ada syelek yang buat ni. Tak ada. Semua daripada bahan-bahan apa ni hutan. Gam ini pun kalau dulu, sebatang ni diorang pakai tebuk kan. Tapi sekarang ni pakai gam tak nampak ni. Kalau dulu gam ada, daripada getah kayu juga, nama dia Kayu Tampu. Nampak gam tu bukan dijual gam. Lepas tu (Selepas itu) baru buat daripada susu. Pak Mazin belajar sampai situ. Daripada susu, Susu Lembu tu, Susu Kerbau tu buat diperam salama tiga malam dia akan naik buku susu tu, ketui (ketul) kan. Ketui (ketul) tu dimasak, direbus selama satu jam setengah. Sudah rebus satu jam setengah, di tapis pulak dengan apa ni kain. Kain kan, kain halus lepas tu (selepas itu) diperah air dia. Perah, perah perah air dia, baru di jemur. Di apa ni dinipiskan macam kita buat kuih tu, dijemur. Jemur tu, dia keras nak guna kan digosok dengan kikir. Diigosok dengan kikir dibubuh ayor(air). Nak guna banyak mana, dia sikit ja. Lepas tu (Selepas itu), bubuh kapur kerang. Dibubuh kapur kerang tu, dibancuh dia akan jadi gam serupa dengan gam yang ada sekarang ni. Tu kalau orang suruh Pak Mazin buat, Pak Mazin boleh buat. Sampai buat gam tu sekali. Dan tunjuk

kayu gam tu tapi sekarang ni dah tak ada tampu tu. Kalau dulu memang ada di tempat nama sebelah depan rumah Pak Mazin ni ya, ada tanah kuburan situ. Di situ banyak kayu tampu, sekarang dah tak ada dah. Benih tak ade dah buang. Dia merah dia punya getah tu. Kalau orang tak tunjuk, nak cari pun susah sekarang ni.

Ain: Pastu (Selepas itu) pa (apa)?

Pak Mazin: Itu dia semalaman kena ni, kena ikat taruh. Tapi nak kayu kering betui, kayu basah dia tak mahu.

Ain: Dia tak melekat la?

Pak Mazin: Dia tak melekat. Itu dia sampai begitu anu pengalaman Pak Mazin.

Ain: Sekarang ni pakai.

Pak Mazin: Kalau orang tanya Pak Mazin, kira yang lama-lama dulu apa anu Pak Mazin akan cerita. Itu lah

Ain: Sekarang masih pakai gam yang itu lah?

Pak Mazin: Tak-tak..tak ada, gam ini la.gam beli yang ni ha ni ha kan.

Ain: Yang adhesive ni

Pak Mazin: Yang ini kuat serupa gam susu

Ain: Macam tu. Lepas tu (Selepas itu), kalau pak cik cari sendiri ke pokok- pokok kayu-kayu ni? Ke suruh upah orang carikan?

Pak Mazin: Sekarang ni orang cari. Pak Mazin pun kadang-kadang dah tak dan nak cari. Kayu jauh, macam di Lenggong nu la, bukit yang batu. Kayu Kemuning tu harga pun memang mahal. Anu macam ini ha, mahai ni.

Ain: Berapa tu

Pak Mazin: Dia kalau ikutkan anu, dia kira kilo. Kadang kira sebatang tu dapat murah sikit la. Pak Mazin beli sebatang dalam dua, tiga ratus.

Ain: mahal lah

Pak Mazin: batang Macam tu, batang tu yaw, tiga ratus tu. Tu tiga ratus tu, itu nak dapatkan larit macam ni

Ain: Dia, dia bukan setiap. Dia ada macam ada bahagian-bahagian pokok dia

Pak Mazin: Bahagian dia, bahagian pokok dia kalau yang atas batu tu dia macam ni. Kalau yang di kampung, dia tak ada. Dia makan di anai apa, yang ini tak makan anai anai.

Ain: Macam tu.. elok la paku,eh kayunya

Pak Mazin: elok tapi dia ni mudah, mudah retak.

Ain: oo.. mudah retak

Pak Mazin: mudah retak

Ain: Orang dulu pun pakai kayu ni la?

Pak Mazin: Orang dulu pakai kayu ini yang lagi tua daripada ini kayu dia pakainya. Ni macam ni kan ni. Kayu ni kalau dicuci lagi elok, lagi cantik.

Ain: Yang macam kalau yang istana pun pakai kayu ni jugak?

Pak Mazin: Kayu ni jugak la, tengok la

Ain: Kut la diorang nak guna kayu lain

Pak Mazin: Tengoklah macamni Kemuning Hitam, Kemuning Emas kan atau kalau nak gading, buat gading.

Ain: Gading? Maksudnya guna

Pak Mazin: Gading Gajah

Ain:.Gading Gajah tu buat sarung keris?

Pak Mazin: tu buat..buat sarung. Pak Mazin ada buat Sultan Kedah punya. Sultan Kedah punya Pak Mazin buat. Yang dia pastu dibalut dengan emas ke atau perak la

Yana berbalut

Ain: So pak cik la jugak yang celupkan dalam emas tu?

Pak Mazin: Dak, dak. Tu tempah. Dia Meriawangsa la bidang tukang emas punya kan. Pak Mazin tukang buat ini Mata Keris, Sarung Keris.

Ain: Macam tu. Lepas tu (Selepas itu), yang pasal tadi. Apa keris makan tuan?

Pak Mazin: Keris makan tuan ni, dia dikatakan tadi la. Kalau tak serasi kan, kalau tak serasi, bukan dengan ulor (ular) pun tak tercabut.

Ain: Maksudnya?

Pak Mazin: Maksudnya berat. Keris tu tidak sesuai dengan kita atau pun parang tak sesuai dengan kita. Dia lupa, tu yang dikata makan tuan. Dia lupa

Ain: Bukan la tertikam diri sendiri ke apa?

Pak Mazin: Dia terlupa. Kadang-kadang tikam diri \ tak mahu. Kalau musuh jugak yang menikam. Kita, senjata kita tu dikatakan makan tuan. Tapi yang makan tuan anu ni, dia tak serasi dengan kita. Kalau ulor (ular) dah belit kita pun, kita tak ingat benda dipinggang kita ada senjata tu. Ada, itu tak serasi. Itu dikatakan tak serasi.

Ain: Macam mana nak bagi serasi?

Pak Mazin: Nak bagi serasi tu datang daripada anu juga bukannya kita sendiri. Pasal petua orang dulu, dia ada kira, ada baca, ada cara-cara dia buat kata. Dia nak pakei (pakai) kan, dia kira pada keris tu mengikut Bismillah Alhamdulillah, Bismillah Alhamdulillah pastu pakai ke jalan balik macam tu ya. Dia ikut tu. Kalau ikut petua anu pulak, dia kata "berjong bersampan berkapal putus tali, berhubung bertampei (bertampal) makan tetiari (setiap hari). Kalau nak berniaga kena pakai yang itu.

Ain: Macam

Pak Mazin: Lepaih itu (selepas itu) kalau nak apa ni, ini ini anu je cerita kata hendak kan apa hati kita ya. Kata. "Geledoh geledah anak rimau meniti batang turun renta ada gaduh ada susah, keris tercampak harimau tiba" ha itu yang dikatakan musuh datang

Ain: Macam itu sekali

Pak Mazin: Macam itu lah Ini petua dia. Geledoh geledah anak rimau meniti batang turun reta ada gaduh ada susah, keris tercampak harimau tiba. Makna musuh tiba, itu tak serasi dengan kita.

Ain: Macam tu la kita tahu kan. Kalau dah tak serasi tu macam mana kita nak buat?

Pak Mazin: Buang je la.

Ain: Nak serah balik ke?

Pak Mazin: Buang je la.

Ain: Buang ea?

Pak Mazin: Kita bagi orang yang serasi la.

Pak Mazin: Dia kira

Ain: Macam mana

Pak Mazin: ...tangan kita ni ikut anu. Dia ada besar, ada kecik. Dia kira macam, macam itu la. Macam ni, Macam ni ha Geledoh geledah anak rimau meniti batang turun reta ada gaduh ada susah, keris tercampak

Ain: Tak cukup

Pak Mazin: ...Keris tercampak harimau pun tiba la, musuh tiba. Keris kita dah terhumban,

Ain: Macam tu sekali na..

Pak Mazin: macam tu sekali cerita dia. Kalau orang berniaga dia nak daripada kecik nak sampai keda, berjong, bersampan, berkapei. Kapei(kapal) ni lagi besar berniaga. Putus tali, habis sekeluarga, rumah putus tali anak bini putus. Ada kahwin, cerai. Putuih la katanya.

Ain: Bahaya juga

Pak Mazin: Kata putuih kan, bertali, Berhubung bertampei, ambil hutang kambuih hutang. Nak?. Tidak elok la

Ain: oo..macam tu

Pak Mazin: ambil hutang, ambil hutang, ambil hutang, ambil hutang. Makan pagi anu kais pagi, makan petang. Kais pagi makan. Cari pagi, petang makan. Macam itu maksud dia. Dia nak berjong bersampan berkapei, putus tali tak hendak. Putus hubungan, berniaga putus, keluarga putus. Bacanya lah, cerita sahajalah jangan ikut itu pulak.

Ain: Ha. Dak.

Pak Mazin: Jangan ikut itu. Ini ini esok tengok aku ada keris ini boleh jadi .ini cerita warisan. Cerita warisan macam itu la

Ain: Maknanya nilai spiritual dia tu bergantung pada individu masing-masing la?

Pak Mazin: Masing-masing la

Ain: Kalau kita tak cakap apa, macam itu je lah ye?

Pak Mazin: Ada yang dia sampai taksub "aku ada keris ni turun tunggu lah tadah tangan takde usaha". Tak mahu jadi jugak

Ain: Betui (Betul)

Pak Mazin: Apa perbuatan kita ni duk nak usaha, nak ada matlamat. Kalau tak ada matlamat, tak jadi.

Ain: Jadi, tak perlu la takut pada keris.

Pak Mazin: Tak perlu takut. Orang putih ke datang mari Pak Mazin cerita macam itu la. Tapi dia ada jurubahasa dia cerita la, apa yang Pak Mazin cerita tu kan. Okay?

Ain: Okay. Ada lagi?

Pak Mazin: Ada lagi?

Ain: Kalau ada pertambahan mungkin kami akan datang lain kali la kot.

Pak Mazin: Kalau nak ambil apa ni, macam OT, gambar dia ke apa boleh. Hari ni tak ada anu ambil interview kan. Yang itu yang hendaknya. Latar belakang Pak Mazin. Tu la Pak Mazin mintak di sini la daripada datuk dulu yang di sebelah kampung, sebelah.

Ain: Maksudnya yang ini memang rumah asal,

Pak Mazin: Memang

Ain: tanah asal?

Pak Mazin: Tanah asal, ni tanah datuk dulu.

Ain: Memang..

Pak Mazin: Kalau cerita pasal tanah ni pun panjang cerita dia kalau Pak Mazin nak cerita. Panjang cerita dia, asal dia..nama-nama ditaruh apa nama benda tu dah takde. Datuk Pak Mazin bubuh nama tanah dia ni dulu la kan, dia seluas satu ekar tiga suku..

Ain: Panjangnya, besar

Pak Mazin: Dia tanah ruku. Durian, buah-buahan ni Ada Durian Tangkai Pendek, Durian Padang, Durian Kebun Batak. Lepas itu (Selepas itu) lagi durian apa kita panggil.

Durian Padang, Durian Kebun Bata. Ha di situ lah, satu-satunya dia mengingatkan anunya. Durian Padang tu kampung dia lah, nama kampung dia Padang. Changkat dia, Istana Iskandariah. Bukitnya, Bukit Chandan. Nama gajah, Chandan.

Ain: Nama gajah..

Pak Mazin: Itu sejarah dia. Sejarah Bukit Chandan tu lah. Padang Changkat ini, macam tanah ini dulu pun kata anu macam untuk sultan punya..

Ain: Pekerja?

Pak Mazin: Tidak, dia taruh binatang anu dia disinilah itu ditaruh, Padang Changkat. Lepas tu (Selepas itu) kubu ada, situ ada kubu dulu di tanah ini. Tanah Pak Mazin tapi sekarang ni orang cerita lain. Pak Mazin tak hendak cerita. Orang maklumlah, bior (biar) hilang gitu takpe.

Yana: Kubu tu dah takde?

Pak Mazin: Ha?

Yana: Kubu tu ada lagi?

Pak Mazin: Kubu takde dah. Dah tutup dah dulu.

Ain: Yang ni kan, kat sini kan berkumpul semua-semua yang seni-seni semua yang tekat tu

Pak Mazin: Ha.. yang tekat tu ada

Ain: Diorang memang asal sini atau pun memang sebenarnya kat sini ada satu

Pak Mazin: Tekat

Ain: Perkampungan dulu?

Pak Mazin: Tekat tu dia kahwin dengan orang sini, asai dia orang Kota Lama. Dibawak daripada mak dia ler, tapi dia duduk sini. Macam tu yang dikata la..

Ain: Bukan la semua.

Pak Mazin: Dia memang

Ain: ..memang asal dari sini ?

Pak Mazin: Asal dari sini dah kan. Macam ini dia memang asal sini la, sini tapi waris dia daripada ma. Macam orang-orang luar pun ada waris dia daripada Indonesia kan, banyak kebanyakkan macam itu..

Ain: campurkan

Pak Mazin: Campur pendatang mari tapi dah menetap di sini anu lah, daripada lama dulu apa gitu gini. Dia keturunan tu

Ain: Kot la dulu sini sebenarnya perkampungan diraja ke sebab dekat je kan dengan istana

Pak Mazin: Memang la dulu raja mula di Sayong, Meruas. Kalau ikut sejarah-sejarah itu ada Sayong tu Sultan juga, ada istana dulu. Lepas tu pindah ke mari ke Istana Iskandariah ni

Ain: Iskandariah

Pak Mazin: Lepas tu (Selepas itu) macam sultan di Beruas dulu yang mula apa. Dia ada sejarah ada cerita tapi yang anu di Istana Iskandariah ni di buat. Kalau Istana lama tu yang istana asal dulu oleh tahun 26 ke apa tak silap ni dalam ni. Ambil ni

Ain: kenangan. Istana Kenangan?

Pak Mazin: Istana Kenangan tu ada sejarah dalam tu. Dia cerita buat daripada apa, siapa orang yang buat dia. Ada dalam tu.

Ain: Bukak lagi ke?

Pak Mazin: Dia dah, dah nak repair (baiki) tu. Tu lantai dia dah anu dah

Ain: Dah reput?

Pak Mazin: Dah reput dah. Memang dah berapa ratus tahun

Ain: Macam ni..

Pak Mazin: Tu elok bawak tu, dapat sejarah-sejarah tu. Dia paku menggunakan paku. Lepas tu (Selepas itu) dinding dia Dinding Buluh panggil Dinding Tepaih

Ain: Macam tu. Itu lah kisahnya.

Pak Mazin: Kisahnya umur bapak Pak Mazin jadi tahun 26 rasanya.

Ain: Zaman ayah Pak Mazin

Pak Mazin: 26 dia dah mula dah, dah muda

Ain: Maksudnya zaman moyang entah kat Lenggong sana, istananya belah sana?

Pak Mazin: Mungkinlah macam itu

Ain: Kalau istana ni baru lagi..lebih kurang macam itu lah kut. Macam itu je lah. Marilah kita

Pak Mazin: Ya..

# L O G

# T E M U B U A L

LOG TEMUBUAL

Ain Syahirah Abd Rahim dan Wan Siti Nur Liyana menemubual Encik Abdul Mazin Abdul Jamil, yang dilahirkan pada 1950, di Kuala Kangsar. Temubual dijalankan di rumah beliau di Kampung Padang Changkat, Kuala Kangsar, mengenai kisha hidup dan pengalaman beliau sebagai seorang penempa besi atau si pandai besi.

| **RAKAMAN AUDIO I (04/ 07/2017)** | | |
|---|---|---|
| **MASA** | **PERKARA** | **PENERANGAN** |
| **BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG** | | |
| 0.00 | Pak mazin telah dilahirkan pada tahun 1950 | Kampung Padang Changkat<br>Kuala Kangsar |
| 32.37 | Asal usul Tukang Mamat | |
| 0.05 | Penerimaan pendidikan sehingga sekolah rendah | Sekolah Kebangsaan Bukit chandan |
| 8.12 | Pak Mazin sebagai generasi ke-4 | Tukang Mamat<br>Pandak Lam<br>Abdul Jamil |
| 9.40 | Generasi Si pandai besi dan zaman pemerintahan Kesultanan Melayu Perak | Sultan Iskandar<br>Sultan Idris<br>Sultan Yusuf<br>Raja Payung<br>Sultan Azlan |

| MASA | PERKARA | PENERANGAN |
|---|---|---|
| 9.20 | Generasi pelapis yang diturunkan ilmu pembuatan keris | |
| 62.08 | Tempat tinggal dan tanah asal rumah | |
| **BAHAGIAN B: KERJAYA** | | |
| 01.06 | Minat terhadap kesenian pembuatan keris Bercambah | Tahun 1960 |
| 14.00 | Mula membuat secara professional | Tahun 1980 an |
| 3.30 | Berlatih membuat keris dengan menghasilkan senjata kecil dahulu | |
| 17.40 | Nasihat dari bapanya supaya meneruskan warisanya membuat keris | |
| 4.05 | Penerimaan tempahan dari pelbagai pihak | |
| 5.20 | Penyataan tentang pendirian beliau tentang kerjaya mebuat keris | |
| 36.48 | Ilham dan ilmu ketika pembutan keris | |
| 12.10 | Menerima tempahan dari istana keris hukum dan kuala pekaka | Sultan Muhammad yang Ke lima |
| **BAHAGIAN C: SENJATA WARISAN KERIS** | | |
| 5.40 | Asal usul keris dan warisanya | |
| 14.59 | Cara pembutan keris | |

| MASA | PERKARA | PENERANGAN |
|---|---|---|
| 18.40 | Risiko membuat keris | |
| 24.40 | Perubahan penamaan keris dan signifikanya dengan adat melayu | |
| 33.16 | Pantang larang keris | |
| 41.18 | Penjagaan keris | |
| 43.33 | Mistik dan unsur spiritual dalam keris | |
| 46.48 | Sarung dan hulu keris dan pembuatanya | |
| 57.18 | Ketidakserasian keris dengan tuanya | |
| **BAHAGIAN D: PENCAPAIAN** | | |
| 4.40 | Penerimaan untuk melakukan kajian dari pelbagai pihak | |
| 28.18 | Pengaunugerah ikon negaraku | Sungai Petani |
| 29.45 | Pengiktirafan dari kerajaan | Kementerian pelancongan |
| 30.00 | Penerimaan tempahan keris dari yang di pertua Agung dan menteri | |

| RAKAMAN AUDIO II (01/05/2017) | | |
|---|---|---|
| **MASA** | **PERKARA** | **PENERANGAN** |
| **BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG** | | |
| 00:12 | Biodata Tokoh | -Pak Mazin<br>-Abdul Mazin bin Abdul Jamil.<br>-Lahir tahun 1950<br>-Kampung Padang Changkat ni lah.<br>-umur 67 tahun. |
| 00:38 | Pendidikan | Sekolah rendah sampai darjah enam di Sekolah Kebangsaan Bukit Chandan |
| 01:11 | Minat | - Berrmula Sewaktu umur 10 tahun dengan datuk sewaktu melihat datuk buat dan buat main-main dengan kayu<br>-Berumur 12 tahun<br>Mula buat besi kecil-kecil sampai berhenti sekolah<br>-Tahun 1963<br>buat golok, parang dan keris<br>-Tahun 70an<br>Mengikut ayah meluaskan perniagaan pergi buat pameran dan demo bersama muzium di Kuala Lumpur<br>-80an Pak Mazin<br>buat keris sendiri untuk pihak istana dan muzium |

| MASA | PERKARA | PENERANGAN |
|---|---|---|
| 02:25 | Sebab berminat | Tradisi melayu dan warisan orang melayu dengan berpakaian melayu serta lambang kebesaran orang melayu |
| **BAHAGIAN B: KERIS DIMASYHURKAN** | | |
| 03:10 | Penyebaran keris | Melalui media, elektronik, TV, majalah |
| 04:21 | Sekarang | Temu ramah daripada sekolah rendah serta menengah tingkatan tiga dan tingkatan enam malah Pengajian tinggi seperti universiti-universiti, kolej dan UiTM |
| 04:43 | Dokumentari oleh | Pihak TV (televisyen)<br>-TV3<br>-TV2<br>-TV5 |
| 05:06 | Sebab beri penerangan | Pembuat keris dah berkurang dan tiada yang serupa yang lama dulu. |
| 03:19 | Tempahan oleh | Orang datang, pihak istana, ahli persilatan, penyimpan keris dan pelancong |
| **BAHAGIAN C: SEJARAH KERIS** | | |
| 03:32 | Keris pertama | Kecil, pendek dan berukuran dua inchi<br>setengah kerana yang kecil sangat susah.<br>Menurut ayah beliau buat kecik dahulu nanti senang buat yang besar dan masih disimpan di dalam rumah |

| MASA | PERKARA | PENERANGAN |
|---|---|---|
| 05:31 | Asal keris | Keturunan daripada seberang separti Bugis dan Majapahit |
| 27:59 | Asal ilmu keris | Daripada keturunan di sana |
| 23:33 | Senjata Melayu | Lembing, keris, lawi ayam, tombuk lada, badik dan pedang |
| 23:54 | Keris dari seberang disesuaikan dengan semnanjung | Keris dari Bugis, Majapahit, Jawa, Bali dinamakan Keris Pukai, Anak Alang, Keris Lekuk.<br><br>Bahagian hulu Jawa Demam ditukar Ayam Teleng, Ayam Sejuk, Pinggang Kerengga, Tapak Kuda, Keris Panjang pakei kerana kurun 15 Islam kuat di semenanjung. |
| 25:03 | Pakai mengikut adat dan penglihatan semasa | -Besi Tiga dan Tujuh Pa<br>-ciri-ciri keris seperti Keris Berluk iaitu tuntut keris, perut keris, lekuk, pamor,belalai gajah, tambe gajah,kambing kacang, ekor cicak, aarit, janggut, dagu, puting<br>-Hulu seperti belalai gajah sebagailambang Kenaikan lambang kenaikan pembesar zaman dahulu<br>-Bentuk sarung seperti kapal, sampan dan tongkang orang berdagang<br>-Batang sarung berkait seperti tiang layar sampan,tiang layar tongkang zaman dahulu |

| MASA | PERKARA | PENERANGAN |
|---|---|---|
| 05:41 | Nama keris | Nama asal senjata tajam. Terbahagi kepada dua iaitu hulu yang panjang diberi nama lembing manakala "hulu yang pendek diberi nama keris" orang perempuan |
| 06:01 | Jenis keris | -Yang tak ada luk ni dipanggil Keris Pukai adalah lurus. Keris pukai yang pertama ialah Keris Anak Ala.Lekuk keris atau keris luk. Keris luk yang asal ialah Luk Tiga.<br>-Nama keris hukum terdahulu ditukar nama Keris panjang. |
| 06:33 | Kegunaan keris | Zaman dahulu bukan untuk berlawan tetapi mempertahankan diri apabila diserang musuh serta lambang kebesaran melayu tetapi sekarang warisan lambang orang melayu |
| 26:57 | Pengguna bentuk keris dan Ciri | -Buntut bentuk kasut, bentuk raga dan ekor lipas.<br>-Keris Panjang ni dia bentuk raga untuk pembesar pakai manakala ekor lipas untu orang biasa |
| 06:51 | Contoh perwarisan bangsa Lain | Jambier arab kata"samurai daripada Jepun, China dengan parang tapik dan pedang, orang inggeris atau orang putih" |
| 07:18 | Peringatan beliau | Raja sehari perkahwinan apa itu ini pun lengkap dengan baju melayu, dengan tengkolok tanpa keris tak sah.<br>Jangan kita kata nak diperlekehkan warisan kita sebab warisan lain pun ada warisan. |

| MASA | PERKARA | PENERANGAN |
|---|---|---|
| **BAHAGIAN D: GENERASI KERIS** | | |
| 08:31 | Keturunan generasi | -Tukang Mamat Generasi yang pertama Menurut orang dahulu, beliau tanya orang, diceritakan oleh ayah beliau semenjak datuk"Tukang Mamat adalah tukang istana atau raja<br>-Generasi yang kedua ialah Pandak Lam. Pandak Lam iaitu datuk Pak Mazin ,<br>-Generasi yang ketiga ialah ayah beliau iaitu Abdul Jamil, Abdul Jamil bin Pandak Lam..<br>-Generasi yang keempat, Beliau sendiri<br>-Mungkin generasi yang kelima<br>Pak Mazin ada melatih anak sampai hari ni. |
| 00:36 | Asal tukang mamat | dah lama sini tapi berketurunan bugis. kata orang"dia tukang istana. |
| 09:46 | Zaman kesultanan | -Moyang beliau berkhidmat sebelum SultanIskandar.<br>-Manakala Datuk beliau sewaktu sultan Iskandar.<br>-Ayah beliau sewaktu Sultan Idris bin Iskandar<br>-Malah beliau mula belajar sewaktu Sultan Yusof |

| MASA | PERKARA | PENERANGAN |
|---|---|---|
| **BAHAGIAN E: KERIS PAK MAZIN** | | |
| 10:12 | Pengalaman | -Masa sekolah rendah jual kepada cucu sultan seperti Raja Payung dan berkawan dengan anak sultan serta anak orang berada seperti Ungku Masrul<br>-Sultan Idris dan Sultan Azlan tempah pada tahun 80an,Pak Mazin buat bersama arwah ayah 25 bilah<br>-Agong yang baru dan bersara seperti Sultan Abdul Halim pada tahun 2003 dan terbaru Sultan Muhammad yang ke-V |
| 13:42 | Kelainan keris raja | Mengikut adat kenegerian keris iaitu Sultan Perak ia adat dia ialah Keris Taming Sari<br>-Beliau menerima tempahan mengikut kehendak raja<br>-Setiap luk dan ukiran ada maksud. |
| 21:39 | Harga keris | Seribu ke atas dan lima ribu |
| 21:55 | Jangka masa keris siap | Dahulunya lebih pada sebulan manakala sekarang sebulan ataupun tiga minggu yang paling cepat. |

| MASA | PERKARA | PENERANGAN |
|---|---|---|
| **BAHAGIAN F: PEMBUATAN KERIS** | | |
| 15:17 | Jenis besi | Besi tawar, melela dan baja |
| 15:34 | Sumber besi | Dahulunya besi dibuat sendiri dulu campur-campur bahan-bahan tetapi kini, kedai besi buruk dan Besi keluli |
| 14:48 | Kaedah pembuatan | -Cara orang dahulu buat.<br>-Besi dicari seperti Tujuh Besi<br>-Dicantumkan, dipanjangkan, dimasukan dan lipat |
| 16:06 | Cara besi diolah | -Dileburkan balik dalam dapur dan besi<br>Dicampur tanpa mengunakan latu, ubat<br>serta kimia seperti mana yang diajar oleh<br>ayah dan datuknya dan melalui pengalaman<br>-Besi asli jika tidak bercampur kimia manakala besi jadi sendiri dinamakan Pamor. |
| 19:04 | Alat-alat moden | Menolong kerja-kerja yang berat tu seperti alat menguji besi motong besi, motong kayu, canai dan blower elektrik. |
| 20:30 | Masih guna cara traditional | -Menyejukkan api dipakai angin dan buat daripada batang kayu ditebuk dipanggil musang.<br>-Tempat menyimpan angin,buat dia punya kambu nak datangkan angin jadi serupa |

| RAKAMAN AUDIO III (01/05/2017) | | |
|---|---|---|
| **MASA** | **PERKARA** | **PENERANGAN** |
| **BAHAGIAN F: PEMBUATAN KERIS** | | |
| 14:51 | Bahagian keris | -Semua sekali termasuk sarung, hulu, cari besi, busana.<br>-Cuma pendokok tak buat kerana ada dijualkan tempat menempah seperti Meriawangsa pembuat alat kebesaran. |
| 15:45 | Pembuatan hulu dan sarung | Kayu terpilih yang berkhasiat dan tak reput<br>seperti<br>-Tiga jenis Kayu Kemuning seperti Emas, Hitam kecuali Sabut.<br>-Kayu Sena / Kayu Malam /Kayu Arang-Arang.<br>-Kayu Petai Belalang/Jawa diambil teras dan tahan jika tidak reput di tanah didapati di batu seperti gunung-gunung.<br>-Kayu Serian, ada bunga macam sisik ikan buku dan blok rimau<br>-gading gajah dibalut dengan emas ke atau<br>Perak oleh Meriawangsa<br>-kayu dicuci dengan Daun Seperlas atau<br>Kertas Pasir yang halus dan kasar serta<br>disembur atau syelek daripada getah kayu |
| 23:17 | Pencarian kayu | -Orang cari dan dikira kilo atau sebatang<br>Untuk dapatkan larit |

| MASA | PERKARA | PENERANGAN |
|---|---|---|
| **BAHAGIAN G: PENJAGAAN KERIS** | | |
| 10:31 | Penjagaan besi | -Asam limau sebanyak tiga, lima atau tujuh biji untuk tajam dan Pamor akan bertukar sekiranya serasi dengan pemilik serta kemiyan diasapkan untuk mengering air. |
| 10.00 | Kepelbagaian Cara | Cara pemakai, Cara menyambut, Cara buat keris istiadat |
| **BAHAGIAN H: KEUNIKAN KERIS** | | |
| 01:22 | Pantang larang | -Terdahulu, orang perempuan tak boleh masuk tengok datuk Pak Mazin dulu dia sorok dan diajarnya lipat sahaja dan ilmu taksub tidak boleh<br>-Menurut Pak Mazin Keris hampir pupus, jika tidak diberitahu.semua besi lipat, besi masukkan, campur perak ke, campur emas serta segala cara-cara dan nama-nama habis dicerita. |
| 04:01 | Lain-lain pantang larang | -Lebur besi, jumpa orang meninggal dan hati tak senang kerana pasang besi campur ni tidak diguna gam, kimia atau pijor, hanya antara besi dengan besi.<br>-Ada rahsia, bila buat baru ada merupakan<br>Ilham warisan keris |
| 05:16 | Ilham | -Bunga api pecah dalam dapur susah dicerita<br>-Dorongan-Nya bagi hidayat melalui rasa, gerak dan tak ada ilmu.<br>-Diberi petunjuk jumpa besi sudah di khadamkan |

| MASA | PERKARA | PENERANGAN |
|---|---|---|
| 02:43 | Keris panas | Pemilik keris yang terdahulu jaga keris berlainan seperti diseru untuk menjaga dan dikhadamkan. |
| 07:55 | Ragam besi lama | Seperti besi tahi bintang yang keras besi tidak boleh dipotong besi daripada tulang-tulang binatang seperti tulang mawas,besi kuasa lain,besi berbisa daripada binatang-binatang yang bisa seperti katak puru, ulat bulu |
| 25:25 | Keris Makan Tuan | Tak serasi, berat dan terlupa ada senjata bila diperlukan atau ditikam oleh musuh |
| 26:23 | Cara mendapat Keserasian | -Anugerahnya dan petua orang dahulu kira, baca, buat dan kata seperti Besi Tujuh serta ke hutan dan ke sungai<br>-Buang atau beri kepada orang yang serasi |
| 12:38 | Kaedah Pak Mazin | Berselawatkan,ingatkan empunya besi, mohon elok daripada Allah Taala dan doa jangan jumpa bencana |
| 14:15 | Kesan darah | Takkan hilang pada keris iaitu ada tangkap hitam, sekerat nampak cahaya. |

| RAKAMAN AUDIO IV (04/07/2017) | | |
|---|---|---|
| **MASA** | **PERKARA** | **PENERANGAN** |
| **BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG** | | |
| 01:04 | Tarikh lahir | 20.05.1950 |
| 02:24 | Emel | Tiada |
| **BAHAGIAN B: GENERASI KERIS** | | |
| 00:24 | Zaman kesultanan | Sultan Yusof, Sultan Idris, Sultan Azlan dan sekarang ni Sultan Nazrin |
| **BAHAGIAN C: PEMBUATAN KERIS** | | |
| 01:23 | Beza tiga besi | -Besi baja keras mengandungi seratus peratus karbon dan senang dipatahkan<br>-Besi melela mengandungi sedikat karbon dan lambat untuk dipatahkan<br>-Besi tawar lambut dan tidak patah tidak mengandungi sebarang karbon |
| 03:47 | Besi yang terbaik | Besi baja |

# I
# N
# D
# E
# K
# S

# INDEKS

1950, 5, 41, 44, 54

2003, 9, 47

63, 5, 44

67 tahun 5, 44

70an 5, 12, 42

80an 5, 8, 19, 42, 44, 49

**A**

Abdul Mazin bin Abdul Jamil, 1,5, 41

ahli persilatan, 5,45

Abdul Jamil bin Pandak Lam, 8, 48

alat-alat moden, 11, 50

asam limau, 22, 23, 52

asap kemiyan *LIHAT* kemiyan

**B**

batang sarung, 14,27,46

belajar, 8, 11,12, 14, 21, 28, 48

bentuk buntut, 14, 47

bentuk keris, 8, 47

bentuk sarung, 14,46

Besi Keluli, 10, 50

besi kuasa, 20, 53

besi lama-lama, 21, 23, 53

besi tulang binatang, 21, 53

bisa, 21, 22, 53

buat besi, 5, 44

buat kayu, 5, 22

buat sendiri, 5, 10, 12, 50

Bugis, 6,13,17, 46, 48

bunga api, 19, 52

**C**

Cerita warisan, 34

**D**

Darah, 24, 53

Datuk, 5,7,11,18, 35, 44,48, 50, 52

Demo, 5, 44

dokumentari, 6,45

Duli Yang Maha Mulia, 9

**E**

elektrik, 12, 50

elektronik, 5, 45

**G**

Gading Gajah, 31, 51

generasi *LIHAT* Kedua,Keempat, Kelima, Ketiga danPertama

golok, 6,7,19, 22

**H**

Harga, 12, 30, 49

**I**

Ikon negaraku, 15, 43

Islam, 13, 46

**K**

Kampung Padang Changkat, 5, 41, 44

Kayu Kemuning, 25, 30, 51

Kayu Sena *LIHAT* Kayu Arang-Arang

Kayu Malam *LIHAT* Kayu Arang-Arang

Kayu Petai Belalang, 26. *LIHAT JUGA* Kayu Petai Jawa

Kayu Petai Jawa, 26. *LIHAT JUGA* Kayu Petai Belalang

Kayu Serian, 26,51

Kedua, 48

Keempat, 8,17, 48

Kelima, 8,48

kemiyan, 23, 52

Keris makan tuan, 31, 32

keris pertama, 6,45

Keris Taming Sari, 10, 49

Ketiga, 48

Keturunan, 6,7,15, 17, 37, 46, 48

Kolej, 6,45

Kuala Kangsar, 1, 15, 41

Kuala Lumpur, 5, 25, 44

Kurun 15, 13, 46

**L**

lambang orang melayu, 7,47

**M**

Majalah, 5, 45

Majapahit, 6, 13, 46

masa keris, 12, 13, 49

media, 2,5, 45

minat, 5,7, 11, 16, 42, 44, 45

muzium, 5, 21, 28, 44

**N**

nama keris, 6,13,47

**P**

Pahang, 15

pakaian melayu, 5, 45

pameran, 5, 44

Pamor, 11, 14, 23, 46, 50, 52

Pandak Lam, 7, 8, 17, 41, 48

pantang larang, 17, 18, 43, 52

parang, 5, 6, 7, 32, 44,47

pelancong, 6,15,43, 45

pelancongan, 15, 43

pembuat keris, 6,45

pengajian tinggi, 6, 45

penyimpan keris, 5, 45

pertabalan, 9

pertahankan diri, 7, 18, 24, 47

Pertama, 7,48

petua, 18, 24, 32, 53

pihak istana, 5,9, 44, 45

pisau, 6

**S**

Sekolah Kebangsaan Bukit Chandan, 5, 41, 44

sekolah rendah, 5, 6, 8, 41, 44, 45, 49

Semenanjung, 13, 14, 46

Senjata melayu, 13

Sultan Abdul Halim, 9, 49

Sultan Azlan, 8,9, 41, 49, 54

Sultan Idris bin Iskandar, 48, 49

Sultan Iskandar, 8, 41

Sultan kedah, 9, 10, 31. *LIHAT JUGA* Sultan Abdul Halim

Sultan Muhammad V, 9, 42, 49

Sultan Nazrin, 54

Sultan Perak *LIHAT* Sultan Azlan, Sultan Idris bin Iskandar, Sultan Iskandar
Sultan Nazrin, Sultan Yusof.

Sultan Yusof, 8, 54

sumber besi, 10

Sungai Petani, 15, 43

**T**

Taksub, 18, 23, 34, 52

Tempahan, 5,6,9,10

temu ramah, 6,14,45

Tiga Besi, 10,54

Tingkatan Enam, 6, 45

Tingkatan Tiga, 6, 45

tradisi melayu, 5,45

tradisional, 12, 15,

Tujuh Besi, 10, 24, 50

tukang istana, 7,48

Tukang Mamat, 7, 17,41, 48

TV, 5, 6, 15, 45

**U**

UiTM, 3,6,16, 45

ukiran, 8, 10, 49

umur 10, 5,44 .

umur 12, 5, 44

Ungku Masrul, 8

Universiti, 6, 16, 45

**W**

warisan orang melayu, 45

# R U J U K A N

# RUJUKAN

Abdul Mazin Abdul Jamil. (2017,Mei 1). Personal interview

Adnan bin Abd Jamil. (n.d.). Mazin Si Pandai Besi. *Klik web DBP*. Retrieved http://klikweb.dbp.my/wordpress/?p=6539

Anak Pak Mazin warisi ilmu pembuatan keris.(n.d). Kosmo. Retrieved http://www.kosmo. com.my/kosmo/content.asp?y=2014&dt=0327&pub=Kosmo&sec=Rencana_Utama &pg=ru_01.htm

Bernama. (2016, July 21). Di Kuala Kangsar, tinggal satu-satunya pandai besi tempa keris.

*malaymail online*. Retrieved http://www.themalaymailonline.com/projekmmo/berita/ article/ di-kuala-kangsar-tinggal-satu-satunya-pandai-besi-tempa-keris

Golok tarikan pelancongan Kuala Kangsar. (2016, June 06). *Astro GO read*. Retrieved http:// astrogoread.astro.com.my/topics/article/b_1632-s_9842-7519374

Khairul Abidin Nuar. (2010, December 10). Keris Kuala Kangsar dikomersial. *Utusan Malaysia*

# L A M P I R A N

BIOGRAFI TOKOH



Abdul Mazin Abdul Jamil atau lebih dikenali sebgai Pak Mazin 67 tahun, merupakan seorang pandai besi atau tukang tempa senjata yang berpengalaman dalam membuat keris dan golok selama 54 tahun secara tradisional. Beliau menetap di Kampung Padang Changkat, Bukit chandan, 33000 Kuala Kangsar

Beliau merupakan salah seorang daripada pandai besi yang dipertanggungjawabkan oleh pelbagai pihat seperti dari Istana Negara dan Muzium untuk mencipta atau mencipta semula keris. Hasil pembuatan keris Pak Mazin telah dipilih untuk menjadi pembuat keris untuk alat kebesaranpada pertabalan Yang Dipertua Agong ke-14, Tuanku Abdul Halim ibni Almarhum Sultan Badlishah. Tambahan pula Pak Mazin merupakan generasi keempat yang bekerja dengan kerabat diraja bermula dengan moyangnya Tukang Mamat. Sebagai orang yang bepengalaman, Pak Mazin adalah tokoh yang sesuai untuk mencari maklumat tentang kehidupanya dan keris.

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KEDAH

## PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yanq telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA Kedah denqan ..EN ABDUL MAJIN..........................................

Pada ......1 MEI 2017................

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA Kedah untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA Kedah akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA Kedah boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada sernua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan **syarat:** -

   Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari .................. (tarikh). Dipersetujui pada ....................... oleh kedua pihak yang berkenaan.

..............................

*Pengkisah (interviewee)*

..............................

*Ketua Pusat Pengajian*

*Fakulti Pengurusan Maklumat*

*Universiti Teknologi MARA Kedah*

SENARAI SOALAN

1. Nama penuh dan kelahiran beliau
2. Asal Usul beliau dan latar belakang keluarga
3. Keris pertama yang telah dibuat
4. Penerimaan masyarakat tentang keris
5. Berapa ramai yang telah temubual pakcik?
6. Kisah Si Pandai besi yang bertahan sehingga 4 generasi
7. Sejarah keluarga beliau selama 4 generasi dan khidmat mereka pada zaman pemerintahan raja raja negeri Perak
8. Yang moyang pak cik tu dia dari zaman bila tu? zaman sultan mana?
9. Pengguna dan pelanggan yang diterima tempahan menerima keris
10. Kegunaan keris yang dibuat oleh beliau
11. Perbezaan keris bagi setiap tempahan?
12. Signifikan 9 besi yang digunakan untuk menempa setiap keris
13. Mana dapat sumber besi ni?
14. Dia maksudnya besi ni bukan la yang macam kita import dari memana ke? memang asal daripada tanah?
15. Dia macam mana tu? dia bila nak ada perintis tu, dia kena ada macam tangan panas ke? Kan orang cakap
16. Kiranya keris ni dari sana la, bawak ke sini ilmunya itu bukan start (mula) dari sini?
17. Anugerah dan pencapaian yang diterima oleh beliau?
18. Yang generasi keempat tu, dia memang asal, asal orang sini atau pun dia adalah salah seorang pedagang dari bugis.
19. Lepas tu macam kita tahu tadi macam keris ada pantang larang dia, apa yang pak cik boleh kongsikan dengan kami pantang larang dia?
20. Taruh bisa tu yang orang kata letak apa bisa ular depan tu?
21. Yang pemegang keris tu kena ada cara tak nak jaga dia? kut reput ke? Ke dia tak reput?
22. cara penjagaan keris?
23. kalau macam keris tu. Dia macam tak serasi dengan tuan dia, apa yang menyebabkan dia tak serasi? Dia terbang ke?
24. Pak cik buat sarung dengan hulu jugak ke?

25. Hulu dia tu, kayu guna kayu apa?
26. Mistik disebalik pembuatan keris?
27. Maksud Apa keris makan tuan?
28. Maknanya nilai spiritual dia tu bergantung pada individu masing-masing la?
29. Simbolik hubungan kekeluargaan dengan keris
30. Harapan beliau terhadap anak muda?

DIARI PENYELIDIKAN

| MASA | TARIKH | PERKARA | TINDAKAN |
|---|---|---|---|
| 10.00 pg | 25 Apr 2017 | Panggilan telefon<br><br>Panggilan kepada tokoh untuk menentukan tarikh temubual | Membuat persiapan untuk tujuan merekod perbicaraan |
| 10.00 pagi-<br>11.00 pagi | 1 Mei 2017 | Perjumpaan pertama bersama tokoh.<br><br>Perjumpaan berlaku di rumah tokoh bertujuan untuk sesi temubual | Catatan awal dilakukan untuk proses pembuatan soalan |
| 12.00 tghari | 29 Jun 2017 | Panggilan Telefon<br><br>Membuat panggilan telefon kepada tokoh untuk kali kedua bagi menjelaskan perkara yang samar. Dan memberi keizininan untuk daatang nertemu tokoh sekali lagi | |
| 10.00pagi | 4 Julai 2017 | Perjumpaan kedua bersama tokoh<br><br>Perjumpaan bertujuan untuk memlihat hasil transkrip dan menjelas beberapa perkara samar<br>Mengumpul sijil sijil pencapaian beliau untuk salinan | Berberapa perkara telah dibetulkan<br><br>Sekolah Bukit Chandan bukan sekolah kebangsaan bukit Chandan |
| 12.58 tghari | 4 Julai | Panggilan Telefon<br><br>Membuat panggilan telefon buat kali terakhir bagi memastikan setiap perkara tepat | Tarikh lahir beliau dinyatakan<br><br>Email tidak dinyatakan<br><br>Bekerja di zaman pemerintahan<br><br>Jenis besi |

# GAMBAR



*Figure 1 Pak Mazin meneliti transkrip*




*Figure 2 sijil lawatan kerja daripadah pelbagai pihak*




*Figure 3 sijil penghargaan penceramah*




*Figure 4 sijil penghargaan menyumbang untuk pameran senjata*




*Figure 5 kraftangan terbaik anugerah pelancangan negeri perak 2011*



*Figure 6 antara keris yang dibuat*



*Figure 7 antara senjata yang dibuat*




*Figure 8 Papan tanda*



**Anak Pak Mazin warisi ilmu pembuatan keris**

Iklan ditutup oleh Google

Laporkan iklan ini

TUKANG EMPU TERKENAL PERAK

KERINGATNYA mula menembusi liang-liang roma halus tatkala tangan semakin rancak mengasah besi untuk dijadikan keris

Pancaran cahaya petang membolosi jaringan besi Bengkel Kraf Warisan itu membantu mata kasarnya meneliti keruncingan bentuk mata keris yang pastinya mampu melubangkan setiap benda ditikam dengannya

Kesungguhan Saiful Hazrin Abd. Mazin, 26, mengasah membuktikan dia sememangnya seorang pencinta keris warisan Melayu yang tegar. Keluarganya adalah antara tukang empu yang terkenal di Perak

*Figure 9 keratan akhbar berkenaan Pak Mazin*




*Figure 10 Pak Mazin ketika ditemubual sebgai tokoh negaraku*

Borang PPL HEAA 1/2014

# BORANG PENGESAHAN PENCERAMAH LUAR

1. Sila isi borang dan dapatkan pengesahan daripada Bahagian Polis Bantuan UiTM Cawangan Kedah.
2. Sila lampirkan borang ini bersama borang C (Tabung Amanah Pembangunan Akademik Pelajar) (TAPA).
3. Sila lampirkan Profil / CV Penceramah Luar

A. Maklumat Aktiviti

Nama Aktiviti : IMR 604 ORAL HISTORY

Anjuran : FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

Tarikh Aktiviti : ____________________

Tempat Aktiviti: KAMPUNG PADANG CHANGKAT 33000 KUALA KANGSAR

B. Maklumat Penceramah Luar

Nama Penuh : ABDUL MAZIN ABDUL JAMIL

Organisasi : JABATAN KRAFTANGAN MALAYSIA

Jawatan : PENEMPA KERIS

Tajuk Ceramah : KERJAYA DAN PRODUK

C. Maklumat Penganjur

1. Nama Pelajar : WAN SITI NUR LIYANA WAN ZUKI
2. No. Telefon : 01112934132
3. Tandatangan : [signature]

1. Nama Penasihat Aktiviti : Dr Azree Ahmad
2. No. Telefon : 04-4562410
3. Tandatangan : ____________________

---

## Pengesahan Polis Bantuan, UiTM Cawangan Kedah

Adalah dengan ini disahkan bahawa penceramah di atas *dibenarkan/~~tidak dibenarkan~~ menyampaikan ceramah sebagaimana di atas.

Tandatangan Ketua Bahagian : [signature] (MOHD IQBAL BIN ABDULLAH) ASP / PB
Pegawai Keselamatan Kanan
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Kedah

Cop Jawatan : ____________________

Tarikh : 11/4/2017.

Catatan (jika ada) : —

Cop
Tarikh
Terima

Abdul Mazin the royal blacksmith



Name: Abdul Mazin Abdul Jamil

Age: 66 years old

Address: Kampung Padang Changkat, 33000 kuala kangsar. Perak

Specialties: blacksmith, in making keris and golok which is one of the weapon who is origin in kuala kangsar it selves.

Contact: 017-6561040

Uniqueness: Abdul Mazin as known as Pak Mazin who experiencing in making traditional weapon making about 54 years. He was the one who got the royal community given the trust to replicate the original weapon and creating the traditional weapon which is important for **Tuanku Abdul Halim** ibni Almarhum Sultan Badlishah $14^{th}$ agong's coronation ceremony.

In addition, Pak Mazin is the heritance of $4^{th}$ generation who work with the royals committee in making weapon after learning from his grandfather "Pandak Lam" who is the son of Tukang Mamat the royal blacksmith, as $4^{th}$ generation of the royal blacksmith. Pak Mazin sure kept a lot of untold stories.

We are going to get information about:

1. Siapa tukang mamat
2. Asal usul keris
3. Perbezaan keris
4. Pantang larang pembuatan keris
5. Bagaimana boleh bertahan selama empat generasi sebagai tukang tempa diraja
6. Contoh-contoh tempahan
7. Nilai-nilai keris
8. Keris makan tuan
9. Simbolik keluarga dijaga dengan keris
10. Pendiding sudut hati pemakainya
11. Senjata lain dan pengunaannya
12. Simbolik ukiran di hulu keris